

LAPORAN TAHUNAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

# 2011

PENJAJARAN MELALUI  
TRANSFORMASI  
DAN MIGRASI





# LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2011

Penjajaran Melalui  
Transformasi dan  
Migrasi

## SIDANG EDITORIAL

### **PENGERUSI**

Abd Rahman Haj Safie

### **SETIAUSAHA**

Safriza Baharuddin

### **AHLI-AHLI**

Haryani Abdullah, Haji Abdul Shukur Ishak, Azian Abd. Rahman, Mohamed Azmi Ramli, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, Arman A. Rahim, Roziana Shafie, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, Ernie Nurazlin Lizam, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Hazlina Faizal, Azrizulazmi Bustan, Shahri Mohd Akhir, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Rosidah Hassan, Syarifah Ikhmar Afzan Syed Abd Rahman, Zuryaty Zol, Saharudin Ramli, Nadira Hana Ab Hamid, Mohd Aznorizamin Ismail, Abdul Aziz Abdul Wahab, Azlina Daharudin, Rahman Ahmad, Raihana Sulaiman, Emma Melati Burhanuddin, Idayu Mat Ali, Raja Allen Jordan Izzuddin Shah Raja Baharudin dan Halimah Salleh

### **PEREKA BENTUK GRAFIK**

Azman Md Diah

### **JURUFOTO**

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil

### **PEMBANTU PENERBITAN**

Hafizatulazlin Abd Aziz

### **PENGEDARAN**

Ahmad Mahdi Sulaiman

## ISI KANDUNGAN

- |   |   |   |
|---|---|---|
| <b>5</b> Visi dan Misi                      | <b>19</b> Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah      | <b>58</b> Pengurusan Ilmu                   |
| <b>5</b> Polisi Kualiti                     | <b>20</b> Laporan Naib Canselor                     | <b>70</b> Pembangunan Fizikal Kampus        |
| <b>6</b> Universiti Teknologi Pilihan Utama | <b>24</b> Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia | <b>76</b> Pembangunan dan Aktiviti Pelajar  |
| <b>8</b> Canselor                           | <b>30</b> Pengurusan dan Pembangunan Akademik       | <b>86</b> Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| <b>10</b> Pengerusi Lembaga Pengarah        | <b>40</b> Penyelidikan dan Inovasi                  | <b>90</b> Pengurusan Kualiti & Produktiviti |
| <b>11</b> Naib Canselor                     | <b>50</b> Pembelajaran Sepanjang Hayat              | <b>100</b> Pencapaian dan Kejayaan Fakulti  |
| <b>12</b> Ahli Lembaga Pengarah Universiti  | <b>54</b> Pengantarabangsaaan                       | <b>138</b> Pusat Kecemerlangan              |
| <b>14</b> Pegawai Utama Universiti          |   | <b>154</b> Laporan & Penyata Kewangan       |
| <b>16</b> Ahli Senat Universiti             |   |   |
| <b>18</b> Carta Organisasi UMP              |   |   |



## MISI KORPORAT

### VISI

Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

### MISI

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi.

### OBJEKTIF

- ▶ Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
- ▶ Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
- ▶ Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
- ▶ Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

### Slogan

Kualiti dan Teknologi Menjana  
Kecemerlangan.

### FALSAFAH

Imu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

### NILAI TERAS

- ▶ Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- ▶ Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- ▶ Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- ▶ Cekal dalam menghadapi cabaran.
- ▶ Proaktif dalam tindakan.

## POLISI KUALITI

### POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.



# UNIVERSITI TEKNOLOGI PILIHAN UTAMA

## LATAR BELAKANG

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah ditubuhkan pada tahun 2002. UMP ditubuhkan untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses. Penjenamaan semula semua kolej-kolej universiti awam pada 1 Februari 2007 telah menyaksikan KUKTEM ditukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).



### KAMPUS UMP GAMBANG

UMP beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak di kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.



### KAMPUS UMP PEKAN

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- ▶ Kejuruteraan Kimia;
- ▶ Bioteknologi Industri;
- ▶ Kejuruteraan Automotif; dan
- ▶ Kejuruteraan Pembuatan.



## KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- ▶ Berdasarkan ilmu yang praktis;
- ▶ Berteraskan guna dan kemahiran;
- ▶ Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- ▶ Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- ▶ Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- ▶ Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan guna dan projek-

projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 42 program doktor falsafah, 40 program sarjana, 27 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh lapan fakulti berikut:

- ▶ Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- ▶ Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- ▶ Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- ▶ Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- ▶ Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- ▶ Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- ▶ Fakulti Teknologi (FTech); dan
- ▶ Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Di samping lapan fakulti tersebut, UMP juga mempunyai tiga buah pusat iaitu

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED). Selain itu, UMP juga mempunyai tiga buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) dan *Centre of Excellence for Research In Advanced Fluid Flow (Cariff)*. Malah, kewujudan UMP juga menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumumkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegradasi & Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumumkan sebagai peneraju pusat kecemerlangan industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu) dan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura). Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, Kampus Akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.

# CANSELOR

---

**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA  
TENGGU MAHKOTA PAHANG  
TENGGU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH**

DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ., PAT





# PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

**YANG HORMAT DATO' MOHD HILMEY BIN  
MOHD TAIB, SIMP., DIMP., SMP.**



# NAIB CANSELOR

**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING  
MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, DIMP.**



## AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



## PENGERUSI

- 1** **Yang Hormat Dato' Mohd Hilmei Mohd Taib, SIMP., DIMP., SMP.**  
**Pengerusi Eksekutif**  
HeiTech Padu Berhad  
Level 15, Heitech Village  
Persiaran Kewajipan, USJ 1  
UEP Subang Jaya  
47600 Selangor Darul Ehsan

## AHLI-AHLI

- 2** **Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim, DIMP.**  
**Naib Canselor**  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur
- 3** **Yang Hormat Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman, SSAP., SIMP., DSAP., KMN.**  
**Pengerusi Eksekutif**  
Alam Venture Sdn. Bhd.  
11th Floor, Wisma Tas  
Jalan Melaka  
50100 Kuala Lumpur
- 4** **Yang Hormat Datin Sri Dato' Rohani binti Abdullah, DIMP., KMN., CSM., AMN.**  
**Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)**  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Aras 16, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6 Presint 5  
62200 Putrajaya
- 5** **Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid bin Salleh, DPSM.**  
**Pengarah Urusan**  
Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.  
Perodua Automotive Centre  
Sungai Choh  
Beg Berkunci 226  
48009 Rawang Selangor





## SETIAUSAHA

- 6 Tuan Haji Maliami bin Hamad, AMN.**  
**Setiausaha Bahagian**  
 Bahagian Pengurusan Pinjaman Pasaran Kewangan  
 dan Ektuari  
 Kementerian Kewangan Malaysia  
 Aras 5, Blok Tengah, Presint 2  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
 62592 Putrajaya
- 7 Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bin Syed Abdul Rahman**  
**Pengarah**  
 AJ Infinite (M) Sdn. Bhd.  
 2-49, 2<sup>nd</sup> Floor, Jalan Kajang Perdana 3A  
 Kajang Perdana  
 43000 Kajang  
 Selangor Darul Ehsan
- 8 Yang Hormat Dato' Haji Ahmad Azmey bin Haji Abu Talib, DIMP, AAP, AMP, AMN.**  
 Pengarah  
 Unit Pendidikan dan Latihan  
 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)  
 Tingkat 2, Wisma FELDA  
 Jalan Perumahan Gurney  
 54000 Kuala Lumpur
- 9 YBrs. Tuan Haji Ahmad Zakie bin Hj Ahmad Shariff**  
 Ketua Pegawai Eksekutif  
 Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM)  
 19-07-03, Tingkat 7, PNB Damansara  
 No.19, Lorong Dungun, Damansara Heights  
 50490 Kuala Lumpur
- 10 Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim, AMP.**  
**Pendaftar**  
 Universiti Malaysia Pahang  
 Lebuhraya Tun Razak  
 26300 Gambang  
 Kuantan, Pahang Darul Makmur

## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



**1 Naib Canselor**  
PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, DIMP.  
Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), DHCM (ITM), CA (M'sia),  
FCPA (Australia)

**2 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**  
PROFESOR ENGR. DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ  
Ph.D. (Kyoto) M.Sc. (Wales), B.Sc. (Colorado St)

**3 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**  
PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS, DIMP.  
Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

**4 Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**  
PROFESOR DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)



**5 Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)**  
**PROFESOR MADYA ZULKAFI BIN HASSAN**  
 M.Sc. (Strathclyde), B.Sc. (Missouri-Rolla)

**6 Penolong Naib Canselor (Pentadbiran UMP Pekan)**  
**PROFESOR DR. ZAHARI BIN TAHA**  
 Ph.D (Wales), BSc (Bath), Dip (UIAM), MIED, CEng, FASc

**7 Pendaftar**  
**TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM, AMP.**  
 M.Sc. (UPM), B.A (Hons) (UM)

**8 Bendahari**  
**ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
 C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)

**9 Ketua Pustakawan**  
**TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE**  
 M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)



## AHLI SENAT UNIVERSITI

### Pengerusi

#### Naib Canselor

PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, DIMP.  
Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), DHCM (ITM), CA (M'sia), FCPA (Australia)

#### Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR ENGR. DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ  
Ph.D. (Kyoto) M.Sc. (Wales), B.Sc. (Colorado St)

#### Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS, DIMP.  
Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

#### Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROFESOR DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
Ph.D (UKM), M. Com (Hons)  
(Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)

#### Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

PROFESOR MADYA ZULKAFLI BIN HASSAN  
M.Sc.(Strathclyde), B.Sc. (Missouri-Rolla)

#### Penolong Naib Canselor (Pentadbiran UMP Pekan)

##### Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR DR. ZAHARI BIN TAHA  
Ph.D (Wales), BSc (Bath), Dip (UIAM),  
MIED, CEng, FASc

##### Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

PROFESOR ENG. DR. IDERIS BIN ZAKARIA,  
KMN., MIEM.  
Ph.D (Sheffield), MSc. (Glasgow), B.Eng  
(Hons) (UiTM)

##### Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

IR. ZULKEFLEE BIN KHALIDIN  
M.Eng. (Kumamoto), B. Eng (Hons.), UTM,  
MIEM, P.Eng.

##### Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

PROFESOR IR. DR. JAILANI BIN SALIHON  
Ph.D (Surrey), B.Sc. (Hons)  
(Loughborough)

##### Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

PROFESOR IR. DR. SHAH NOR BIN BASRI,  
F.A.Sc  
Ph.D (Wales), B.Sc. (Hons) (Wales), M.I.E.M,  
P.Eng, M.I.E.T

#### Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian

PROFESOR DR. JASNI BINTI MOHAMAD ZAIN  
Ph.D (Brunel), M.Ed (Hull), PGCE (Sheffield Hallam), B.Sc. (Hons) (Liverpool)

#### Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF  
Ph.D (Wichita State), M.A. (Western Michigan), B.S. (Wichita State)

#### Dekan Fakulti Teknologi

PROFESOR MADYA DR. ABDULLAH BIN IBRAHIM  
Ph.D (Cardiff), M.Sc (Wisconsin), B.Sc. (Wisconsin), Dip. Votec (Toronto), Dip. Res (Cardiff)

#### Dekan Institut Pengajian Siswazah

PROFESOR DATIN DR. NASLY BINTI MOHAMED ALI  
Ph.D (Strathclyde), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Strathclyde)

#### Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

PROFESOR DR. ABDUL JALIL BIN BORHAM  
Ph.D (UM), M.AIL (UM), B.ILE (UM)

#### Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik

PROFESOR MADYA DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF  
Ph.D (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc (Michigan-Ann Arbor)

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli**

PROFESOR DR. ZULKEFLI BIN YAACOB  
Ph.D (Salford), M.Sc. (Texas), B.Sc (Hons)  
(Exeter)

**Profesor Fakulti Sains & Teknologi Industri**

PROFESOR DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN  
Ph.D (Tasmania), MBA (UKM), B.Sc. (Hons)  
(Tasmania)

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. ROSLI BIN ABU BAKAR  
Ph.D (Hanyang), M.Sc. (Hanyang), B.Eng.  
(Hanyang)

**Profesor Fakulti Teknologi**

PROFESOR DR. AB. RAZAK BIN KAMARUDDIN  
Ph.D (Strathclyde), M.Sc. (Salford)

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. SHAHRANI BIN ANUAR  
Ph.D (Ohio), M.Sc. (Syracuse), B.Sc.  
((Strathclyde)

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. ABDUL GHAFFAR BIN ABDUL RAHMAN  
Ph.D (Sheffield), M.Eng. (Sheffield), B.Eng.  
(Sheffield)

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. HASSAN BIN IBRAHIM  
Ph.D (UMIST), M.Eng. (Ottawa), B.Eng.  
(ITB)

**Profesor Fakulti Sains & Teknologi Industri**

PROFESOR DR. JOSE RAJAN  
Ph.D (CSIR), M.Sc. (Andra), B.Sc. (Kerala)

**Pemangku Pengarah Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)**

TUAN HAJI JAMIL BIN BASRI  
M.Sc. (UPM), BBA (UKM), Dip. (MPBP)

**Pengarah Pejabat Antarabangsa**

PROFESOR MADYA AINOL HAYATI BINTI IBRAHIM  
M.Sc. (Aston), B.Sc. George Washington)

**Pengarah Pusat Keusahawanan**

DR. OMAR BIN JAMALUDIN  
Ph.D (UiTM), M.Sc. (USM), B.A. (Hons)  
(Newcastle)

**Ketua Pustakawan**

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE  
M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM),  
B.Sc. (Hons) (UKM)

**Bendahari**

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN  
C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)


**SETIAUSAHA**

**Pendaftar**

TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM, AMP.  
M.Sc. (UPM), B.A (Hons) (UM)

# CARTA ORGANISASI

## UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



# PERUTUSAN PENGURUSI LEMBAGA PENGARAH

## KE ARAH UNIVERSITI PILIHAN UTAMA: TRANSFORMASI, MIGRASI DAN PENJAJARAN

Dengan elemen kreativiti dan inovasi sebagai tunjang utama permulaan migrasi ke arah penjajaran Pelan Strategik UMP 2011-2015, warga UMP kini semakin matang mengharungi rintangan, halangan dan cabaran dalam merealisasikan pelan strategiknya. Banyak perkara yang perlu dinilai semula keutamaannya, keberkesananannya dan keberhasilannya. Namun, saya amat berbangga kerana warga UMP ternyata berjaya mengharunginya dengan penuh semangat dan tekad. Inilah janji transformasi yang diluhuri oleh setiap warga yang peka dengan pembangunan dan kejayaan UMP. Buktinya terzahir dalam kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh UMP sepanjang tahun 2011.



Dengan kreativiti dan inovasi tersendiri, warga UMP berjaya mengorak langkah dalam migrasi ke arah budaya kerja yang lebih cemerlang. Menggunakan penekanan kepada sinergi berpasukan yang berprestasi tinggi, UMP dapat mengoptimumkan penggunaan bakat warganya dalam mencapai matlamat yang lebih berimpak tinggi.

Lembaga Pengarah UMP yakin UMP akan terus maju dalam membekalkan program-program kejuruteraan yang kompetitif dengan jalinan kerjasama dengan pihak-pihak industri yang terkemuka. Usaha-usaha sebeginilah yang akan memperkasakan kebolehan pasaran para graduan yang dilahirkan dan akan membawa negara ini ke tahap yang lebih tinggi. Pakatan-pakatan yang dibuat bersama industri terkemuka ini akan melonjakkan nama UMP sebagai salah satu gedung ilmu kejuruteraan yang unggul.

Sebagai penutup bicara, saya menyeru supaya setiap warga UMP sentiasa peka terhadap perubahan di sekeliling dan sentiasa terdorong untuk menjadi yang terbaik bagi mencapai hasrat UMP untuk menjadi universiti teknologi pilihan bertaraf dunia.

Salam hormat.

**Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib**

Pengerusi

Lembaga Pengarah

Universiti Malaysia Pahang

# LAPORAN NAIB CANSELOR

## PENAJARAN MELALUI TRANSFORMASI DAN MIGRASI

### Mukadimah

Memasuki tahun kesembilan penubuhannya, maka 2011 merupakan tahun yang kritikal bagi Universiti Malaysia Pahang. 2011 menyaksikan peralihan fasa perkembangan universiti ini di atas koordinat baharu dengan selesainya pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang dilatari tema “Mengukuh Asas, Menjana Kecemerlangan.”

Justeru, tahun 2011 adalah landasan kepada trajektori baharu bagi memacu perkembangan universiti ini iaitu Pelan Strategik UMP 2011-2015. Asas yang telah diperkukuhkan dan rangkaian kecemerlangan yang telah dicipta sepanjang tempoh tiga tahun sebelumnya memberi keyakinan kepada pihak pengurusan UMP untuk meletakkan tema “UMP, Universiti Teknologi Pilihan Utama” sebagai acuan trajektori ini.

Sebagai kesinambungan kepada agenda pembangunan dan pengembangan universiti ini, Pelan Strategik UMP 2011-2015 direncana dan diukir dengan mengambil kira pencapaian semasa universiti ini, semakan semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang

Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pengajian Tinggi (MKRA).

Genap berusia sembilan tahun pada 16 Februari 2011, UMP telah melewati fasa-fasa penting dalam evolusi dan perkembangannya untuk menempatkan institusi ini sebagai sebuah IPTA yang bermartabat dan disegani. Keupayaan untuk merencana secara strategik dan realistik, bertindak atas keutamaan serta hemah pengurusan dan pentadbiran yang dipaksikan kepada nilai integriti, akauntabiliti dan ketelusan akan membolehkan universiti ini dibangunkan dengan mapan.

Justeru, cabaran yang didepani mulai tahun 2011 ini adalah penterjemahan Pelan Strategik UMP 2011-2015 kepada inisiatif pelaksanaan dalam kerangka strategiknya. Cabaran ini menuntut pengemblengan minda dan tenaga warga UMP untuk bertindak atas jajaran yang sama bagi menjana hasil yang cemerlang.



Bersandarkan hakikat tersebut, maka kesedaran tinggi warga UMP adalah dituntut untuk memacu universiti ini sebagai sebuah universiti teknologi pilihan utama melalui transformasi pendekatan, migrasi sikap dan penajaran strategik. Meneliti kandungan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan menekuni empat Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) yang telah dilakar, tiada seorang pun dari kalangan warga UMP yang akan terkecuali dari agenda pengisiannya.

### Memetakan Perjalanan Strategik

Pelan Strategik UMP 2011-2015 direncana bagi bermulanya Fasa Ketiga perkembangan universiti ini selepas Fasa “Meletakkan Asas Universiti Teknikal” (2002-2007) dan “Memperkukuh Asas, Menjana Kecemerlangan” (2008-2010). Sesuai dengan perkembangan semasa dan perubahan dasar, maka

Pelan Strategik UMP 2011-2015 memperkenalkan pembaharuan dari segi pendekatan yang digunakan iaitu:

- ▶ Pengenalan Bidang Keberhasilan Utama Universiti atau UKRA (*Universiti Key Result Area*) bagi menggantikan Faktor Kritikal Kejayaan atau CSF (*Critical Success Factors*). Pengistilahan semula ini memberi gambaran jelas bahawa Pelan Strategik UMP 2011-2015 diijarkan bersama GTP, NKRA dan MKRA.

Pengukuran Petunjuk Prestasi Utama atau KPI (*Key Performance Indicator*) bagi menilai pencapaian sebenar. Pengukuran *output* berasaskan pencapaian KPI turut mengambil kira empat inisiatif di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu:

- ▶ Menjadikan PSPTN sebagai rujukan utama semua IPTA bagi membina momentum universiti bertaraf dunia;
- ▶ Menggunakan aplikasi Sistem Maklumat KPT Berkaitan IPTA atau MyMOHES (*Ministry of Higher Education for Data Collection*) sebagai sumber perangkaan data KPT;
- ▶ Menanda aras kedudukan berdasarkan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia atau SETARA; dan
- ▶ Menilai status penyelidikan berdasarkan Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan atau MyRA.

### Menavigasi Tindakan

Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 didasari tiga langkah utama iaitu:

- ▶ Pemurnian Sasaran Strategik;
- ▶ Penilaian Keupayaan Pelaksanaan; dan
- ▶ Membangunkan Strategi Pelaksanaan.

Pemurnian Sasaran Strategik dijalankan dengan mengambil kira prioriti dan realiti semasa yang didepani universiti ini dengan menilai sumbang saran daripada tiga pihak iaitu Kumpulan Panel Pakar yang berperanan mengukur keupayaan

UMP bagi mencapai sasaran strategik berdasarkan keutamaan dan penanda aras; Kumpulan Pihak Berkepentingan UMP yang mempunyai hak dalam menentukan sasaran yang bersesuaian dengan aspirasi dan keperluan pasaran; dan Rangkaian Kekuatan UMP yang meliputi bidang kebitaraan dan bidang fokus yang selari dengan semangat asal penubuhan universiti ini.

Penilaian Keupayaan Pelaksanaan merujuk kepada pengukuran kemampuan pelaksanaan yang dimiliki oleh UMP bagi merangka strategi dan inisiatif strategik dalam empat aspek utama iaitu pengurusan bakat yang optimum; pembudayaan organisasi berprestasi tinggi; tempoh pelaksanaan tugas yang realistik; dan pengupayaan staf dengan liberalisasi perimeter tindakan bagi tujuan kepantasan respon dan kecekapan pelaksanaan.

Membangunkan Strategi Pelaksanaan berkisar kepada keperluan untuk memetakan agenda komprehensif yang melibatkan peranan NKRA dan MKRA bagi menentukan koordinat yang betul bagi strategi UKRA dengan hala tuju, garis masa dan pelan tindakan khusus dengan memberi keutamaan kepada aspek pencapaian cemerlang dalam tempoh minimum; pencapaian berimpak tinggi melalui tindakan strategik yang wajar; dan penggunaan pendekatan SPITRA (Strategi-Perancangan-Pelaksanaan-Pengunjuran-Prestasi-Analisa).

### Menjajarkan Matlamat

Menyadari bahawa perjalanan strategik UMP ke arah matlamatnya untuk menjana kegemilangan menjelang tahun 2020, maka tahun 2011 adalah masa yang paling tepat untuk melakukan modifikasi terhadap reka bentuk umum kerangka strategik universiti ini.

Dengan landasan misi dan visi yang jelas, maka Pelan Strategik UMP 2011-2015 dikemukakan dengan empat objektif iaitu:

### ▶ Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.

- Objektif pertama ini disasarkan kepada penghasilan graduan yang cemerlang melalui program-program akademik yang kompetitif dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

### ▶ Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.

- Objektif kedua ini merupakan daya pendorong kepada UMP untuk menjadi peneraju dalam bidang penyelidikan dan inisiatif yang berasaskan industri terkini melalui kerjasama yang erat.

### ▶ Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan bidang kebitaraan dan bidang kepakaran

- Objektif ketiga ini mencerminkan tekad untuk memberikan perkhidmatan yang unggul dan berkualiti. Sasarannya ialah untuk menempatkan UMP pada aras reputasi yang sepatutnya untuk dikenali dalam kalangan rakan industri dan masyarakat dengan keupayaan perkhidmatan yang bermutu dalam bidang-bidang kebitaraan dan kepakarannya.

### ▶ Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

- Objektif keempat ini mensasarkan pemerkasaan kerangka governan dan budaya kerja berprestasi tinggi sebagai tunggak sebuah universiti teknologi bertaraf dunia. Dengan disiplin organisasi dan sikap warga yang betul, maka UMP bakal dikenali sebagai institusi rujukan



yang membudayakan pengurusan dan sistem kerja yang cekap dan cemerlang.

Dengan empat objektif tersebut, Pelan Strategik UMP 2011-2015 bersedia untuk dilaksanakan dengan panduan empat UKRA yang telah dikenal pasti sebagai agenda utama untuk disempurnakan dalam tempoh empat tahun. Keempat-empat UKRA tersebut ialah:

#### ► Peningkatan Kualiti Akademik

- Merujuk kepada pemerkasaan program akademik, prasarana, pengambilan pelajar yang berkualiti dan warga kerja yang kompeten melayakkan UMP untuk diiktiraf sebagai sebuah universiti teknologi bertaraf dunia.
- UKRA pertama ini diupayakan dengan tiga KPI iaitu Pengambilan Pelajar yang Berkualiti, Staf yang Kompeten dan Graduan Berketerampilan.

#### ► Kelestarian Kewangan

- Dengan menjadikan Kelestarian Operasi sebagai KPI utama, UKRA kedua ini merujuk kepada kemampuan organisasi menguruskan aktiviti pembangunan dan masalah kewangan yang tidak dijangka tanpa perlu melakukan pengubahsuaian yang drastik dalam pengurusan perbelanjaan dan penjanaan pendapatan.

#### ► Pembangunan Sosioekonomi

- Dengan mengambil kira kewujudannya di lapangan masyarakat, maka UKRA ketiga ini merujuk kepada sumbangan UMP kepada pembangunan sosioekonomi negara dengan melahirkan individu dan profesional yang berketerampilan yang



menepati kehendak pasaran dan guna tenaga negara dengan penyediaan parasarana yang kondusif serta capaian perkongsian ilmu dan peluang pembelajaran kepada masyarakat umum.

Pelaksanaan UKRA ini didasari oleh dua KPI iaitu Pembangunan Modal Insan Profesional dan Penubuhan Syarikat.

#### ► Penjenamaan Untuk Penajajaran Strategik

- Untuk memaknakan visinya, maka jenama yang teguh perlu diwujudkan. Justeru, UKRA keempat ini merujuk kepada pengwujudan imej UMP yang cemerlang serta memperoleh kepercayaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat tentang kelebihan daya saing universiti ini. Justeru, UKRA ini diukur dengan dua KPI iaitu Kepuasan Staf dan Ekuiti Jenama.

#### Penutup

Jelaslah bahawa 2011 merupakan tahun yang begitu mencabar ketahanan dan kelasakan universiti ini. Pelan Strategik UMP 2011-2015 adalah manifestasi komitmen semua pihak berkepentingan di UMP bagi merealisasikan hasrat untuk

menempatkan institusi ini sebagai sebuah universiti teknologi bertaraf dunia.

Percaturan strategi yang jelas, yang telah dilakarkan secara kolektif di peringkat Lembaga Pengarah Universiti, pihak pengurusan dan Pusat-pusat Tanggungjawab akan mencerna perencanaan tersebut kepada rangkaian inisiatif yang saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai dokumen rujukan utama mulai tahun 2011, Pelan Strategik tersebut perlu dijelmakan di peringkat tindakan yang realistik, holistik tanpa mengkompromi aspek kualiti, keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

Nadi utamanya ialah komitmen dan penekunan terhadap perjalanan strategik universiti ini. Segalanya terletak kepada disiplin organisasi dan kerangka pemikiran yang dipaksakan kepada koordinat kecemerlangan budaya.

Salam hormat.

**PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
Naib Canselor



---

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA



## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### Perjawatan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diluluskan waran perjawatan sebanyak 1,538 jawatan sehingga 31 Disember 2011 yang merangkumi enam jawatan bagi Pengurusan Tertinggi, 708 jawatan bagi Kumpulan Akademik, 219 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 605 jawatan bagi Kumpulan Sokongan. Keseluruhan staf UMP pada 31 Disember 2011 berjumlah 1,473 orang iaitu sebanyak 1,382 jawatan atau 89.86 peratus diisi secara lantikan tetap dan 71 jawatan diisi secara lantikan Kontrak. Kedudukan perjawatan yang dilulus dan diisi di UMP seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2 di bawah:

Jadual 1: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Tetap dan Kontrak (Os11000))


KUMPULAN	BIL. JAWATAN DILULUSKAN	JUMLAH PENGISIAN	PERATUS PENGISIAN
Pengurusan Tertinggi	6	6	100%
Akademik	708	603	85.17%
Pengurusan dan Profesional	219	207	94.52%
Sokongan	605	566	93.55%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,538</b>	<b>1,382</b>	<b>89.86%</b>

Jadual 2: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Kontrak (OS29000))

KUMPULAN	JUMLAH LANTIKAN
Pengurusan dan Profesional	7
Sokongan	84
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>91</b>


Sehingga 31 Disember 2011, pengisian jawatan akademik adalah berjumlah 603 orang. Pengisian jawatan akademik telah dibahagikan berdasarkan pengelasan jawatan seperti di dalam Carta 1 berikut.

Carta 1: Bilangan Staf Akademik Mengikut Jawatan Sehingga 31 Disember 2011



Bilangan pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah turut mencatatkan pertambahan setiap bulan. Sehingga 31 Disember 2011, bilangan pensyarah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah ialah seramai 148 orang pensyarah.


Carta 2: Bilangan Doktor Falsafah hingga 31 Disember 2011




Bilangan staf akademik ini terdiri daripada 525 orang lantikan secara tetap dan 78 orang lantikan secara kontrak. Staf kontrak ini terdiri daripada 20 orang warganegara dan 58 orang bukan warganegara.

Pelantikan staf di kalangan bukan warganegara turut dilaksanakan bagi menampung keperluan perjawatan di UMP. Bilangan staf bukan warganegara di UMP sehingga 31 Disember 2011 ialah seramai 60 orang yang terdiri daripada 58 orang staf Kumpulan Akademik dan dua orang Pegawai Perubatan. Berikut adalah perincian mengikut negara asal.

Carta 3: Bilangan Staf Akademik Mengikut Status Sehingga 31 Disember 2011



Carta 4: Bilangan Staf Bukan Warganegara Sehingga 31 Disember 2011



## Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2011, UMP telah melaksanakan eksais kenaikan pangkat bagi jawatan akademik dan bukan akademik. Maklumat dan data mengenai kenaikan pangkat staf akademik serta bukan akademik adalah seperti di dalam Jadual 3, 4 dan 5 di bawah.

Jadual 3: Kenaikan Pangkat Kumpulan Akademik

BIL.	JAWATAN LAMA	JAWATAN BAHARU	JUMLAH
1.	Pensyarah (DS45)	Pensyarah Kanan (DS52)	25
2.	Guru Bahasa (DG41)	Guru Bahasa (DG44)	6

Jadual 4: Kenaikan Pangkat Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

BIL.	JAWATAN LAMA	JAWATAN BAHARU	JUMLAH
1.	Penolong Pendaftar (N41)	Penolong Pendaftar Kanan (N44)	2
2.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S41)	Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan (S44)	1


Jadual 5: Kenaikan Pangkat Jawatan Kumpulan Sokongan

BIL.	JAWATAN LAMA	JAWATAN TERBAHARU	JUMLAH
1.	Penolong Pegawai Tadbir (N27)	Penolong Pegawai Tadbir Kanan (N32)	2
2.	Pengawal Keselamatan (KP11)	Pengawal Keselamatan (KP14)	1
3.	Pembantu Am Pejabat (N1)	Pembantu Am Pejabat Kanan (N4)	1

## Staf Cuti Belajar dan Penajaan Fellowship

Bagi peningkatan kerjaya staf akademik, sehingga 31 Disember 2011, UMP telah menghantar seramai 164 orang staf untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Bagi penajaan Skim Fellowship pula, sehingga 31 Disember 2011, seramai 124 orang telah menerima tajaan bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Carta 5: Staf Cuti Belajar dan Fellowship Sehingga 31 Disember 2011



Perincian mengikut bidang seperti di dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Bilangan Staf Cuti Belajar dan *Fellowship* Mengikut Bidang Pengajian

BIDANG	STAF		FELO		JUMLAH
	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	29	5	7	13	13
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	14	1	7	1	7
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	29	1	23	10	21
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	27	4	8	22	25
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	11	0	8	2	5
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	14	3	0	10	7
Jabatan Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT)	2	2	0	10	4
Jabatan Pengurusan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPBT)	6	0	3	1	5
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	16	0	0	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>35</b>	<b>13</b>	<b>22</b>	<b>21</b>	<b>91</b>


## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011

UMP telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada 111 orang staf bagi tahun 2011. Carta 6 berikut adalah maklumat bilangan penerima APC mengikut jabatan


## Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

UMP telah melaksanakan HRMIS secara berperingkat dan dipantau oleh Unit HRMIS, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). HRMIS kini telah dijadikan salah satu KPI bagi semua Naib Canselor. Bagi 2011, dua modul telah dijadikan KPI iaitu Profil Peribadi dan Profil Perkhidmatan. Pencapaian pengemaskinian maklumat HRMIS di UMP sehingga 31 Disember 2011.

Carta 6: Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011



Carta 7: Status Pengemaskinian Profil Peribadi dan Profil Perkhidmatan Bagi UMP Sehingga 31 Disember 2011



## Latihan

Perancangan dan pelaksanaan latihan di UMP dikendalikan oleh Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi, Jabatan Pendaftar. Pada tahun 2011, sebanyak 70 kursus telah berjaya dilaksanakan.

## Keurusetiaan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia melalui Unit Pengurusan Governan menjadi urus setia kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang diadakan sebanyak tiga kali pada 2011 dan Mesyuarat Eksekutif yang diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2011.

Unit ini juga turut menjadi urus setia Hari Bertemu Pelanggan UMP yang diadakan

sebanyak dua kali pada tahun 2011. Hari Bertemu Pelanggan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada staf dan pelajar UMP untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Pendaftar dan jabatan-jabatan lain yang terdapat di UMP. Jemputan juga dibuat kepada organisasi lain seperti Pusat Zakat, Bank, Tabung Haji dan sebagainya untuk membuka kaunter perkhidmatan semasa Hari Bertemu Pelanggan.

---

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK





## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Seiring dengan perkembangan universiti ini dalam mendidik dan melatih tenaga manusia yang berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada perindustrian negara termaju maka pengurusan dan pembangunan akademik dilihat menjadi pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah universiti dengan meletakkan akademik sebagai *core business* kepada sesebuah institusi ilmu. Perkembangan universiti turut dipacu oleh industri yang menjadikan universiti ini berbeza dan unik dengan institusi pengajian tinggi yang sedia ada melalui pendekatan "*Practical Oriented*" yang berfokus kepada "*problem centered learning, action & experiential learning*" selari dengan konsep kilang pengajaran dalam membantu pelajar memperoleh latihan dan pengalaman industri secukupnya.

Tahun 2011 menyaksikan universiti mencorakkan kegemilangan dalam pengurusan dan pembangunan akademik melalui penumpuan kepada aspek inovasi akademik, pemerkasaan pembelajaran dan pengajaran di samping memperkukuhkan penjaminan kualiti serta menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur akademik. Dalam melahirkan graduan universiti ini yang bukan sahaja berketerampilan tinggi, tetapi juga berkemahiran dari segi teori yang menjurus ke arah gunaan (*applied*), penekanan khusus kepada komponen amali menjadi kelebihan kepada graduan universiti ini kerana tidak memerlukan '*retooling*' semasa memulakan kerja dan ini dapat menjimatkan kos latihan oleh majikan.

Bagi memenuhi aspirasi dan inisiatif pihak KPT untuk menghasilkan lebih ramai graduan Teknologis Kejuruteraan berkemahiran tinggi, maka pihak Kementerian telah menetapkan semua universiti anggota *Malaysia Technical University Network (MTUN)* dikehendaki

menawarkan 60 peratus enrolmen pelajar teknologi dan 40 peratus pelajar kejuruteraan menjelang tahun 2015. Bagi mendokong aspirasi ini, universiti telah memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara bersama Northern Illinois University (NIU) di United States of America melalui penawaran program Teknologi Kejuruteraan dalam bidang Elektrik, Tenaga dan Pembuatan. Jaringan kerjasama tersebut turut dimeterai bersama dengan Institute of Technology Tallaght, Ireland menerusi penawaran program Teknologi Kejuruteraan Farmaseutikal dan sedang merangka kerjasama dengan University of South Queensland, Australia bagi penawaran program Teknologi Kejuruteraan Pengurusan Infrastruktur. Justeru, ianya dapat memperlihatkan bahawa program akademik universiti amat kompetitif dan sentiasa menjadi tumpuan dan pilihan pelajar sejajar dengan salah satu objektif pelan strategik universiti di bawah bidang keberhasilan utama universiti iaitu peningkatan kualiti akademik melalui pemerkasaan program akademik, prasarana dan pengambilan pelajar bagi merealisasikan harapan universiti untuk diiktiraf sebagai sebuah Universiti Teknologi Bertaraf Dunia.


### Pengurusan Akademik

Dalam memastikan aspek perancangan, pengurusan, pelaksanaan, kawalan dan penyeliaan bagi hal ehwal akademik universiti sentiasa diberi perhatian, maka menerusi dua entiti utama iaitu Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah diberi tanggungjawab masing-masing bagi peringkat pengajian pra siswazah dan pengajian siswazah. Kedua-dua entiti ini memainkan peranan yang amat penting dalam memperkasakan urusan akademik di universiti.

### Program Akademik

Tahun 2011 memperlihatkan satu lonjakan kepada program akademik di kedua-dua peringkat pengajian. Perkembangan ini boleh dilihat dengan peningkatan jumlah program akademik yang ditawarkan oleh universiti ini yang telah meningkat kepada 107 program berbanding 58 program pada tahun sebelumnya.

Carta 8: Peratusan Program Akademik yang Ditawarkan Sepanjang Tahun 2011



Sejumlah 28 program peringkat prasiswazah ditawarkan oleh UMP, masing-masing 23 program di peringkat Sarjana Muda dan 5 program di peringkat Diploma. Manakala sejumlah 79 program pula ditawarkan di peringkat pengajian siswazah dengan 37 program di peringkat Ijazah Sarjana dan 42 program di peringkat Ijazah Kedoktoran.

Dalam pada itu, pada tahun ini juga Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) telah dijenamakan semula menjadi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) manakala sebuah fakulti baharu telah ditubuhkan iaitu Fakulti Teknologi (FTec).

Jadual 7: Senarai Program yang Ditawarkan Semula/ Program Baharu di Peringkat Ijazah Sarjana Muda serta Penjenamaan Semula Beberapa Program Peringkat Pengajian Siswazah.

FAKULTI	PERINGKAT PENGAJIAN	
	PRASISWAZAH	PENGAJIAN SISWAZAH
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Awam)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Pengurusan Alam Sekitar)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Teknologi Alam Sekitar)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembinaan)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Teknologi Alam Sekitar)</li> <li>➤ Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam)</li> <li>➤ Sarjana Sains (Pengurusan Alam Sekitar)</li> <li>➤ Sarjana Sains (Teknologi Alam Sekitar)</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan & Instrumentasi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Elektrik)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Elektronik)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Instrumentasi)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Elektrik)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Elektronik)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Instrumentasi)</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Kimia)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bio-proses)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Gas)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Kimia)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Bio-proses)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Gas)</li> <li>➤ Sarjana Kejuruteraan (Gas)</li> <li>➤ Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan (secara kerja kursus)</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekanikal)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Automotif)</li> <li>➤ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Industri)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Mekanikal)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Automotif)</li> <li>➤ Doktor Kejuruteraan (Industri)</li> <li>➤ Sarjana Kejuruteraan (Industri)</li> </ul>

FAKULTI	PERINGKAT PENGAJIAN	
	PRASISWAZAH	PENGAJIAN SISWAZAH
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik (Program Kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences – HsKA, Jerman)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Pembuatan)</li> <li>▶ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekanik)</li> <li>▶ Doktor Kejuruteraan (Pembuatan)</li> <li>▶ Doktor Kejuruteraan (Mekanik)</li> <li>▶ Sarjana Kejuruteraan (Mekanik)</li> </ul>
Fakulti Sistem Komputer & ejuruteraan Perisian (FSKKP)		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Doktor Falsafah (Kejuruteraan Perisian)</li> <li>▶ Sarjana Sains (Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi) – secara kerja kursus</li> </ul>
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Doktor Falsafah (Fizik)</li> <li>▶ Doktor Falsafah (Kimia)</li> <li>▶ Doktor Falsafah (Matematik)</li> <li>▶ Doktor Falsafah (Sains Makanan)</li> <li>▶ Doktor Falsafah (Teknologi Makanan)</li> <li>▶ Doktor Falsafah (Statistik)</li> <li>▶ Sarjana Sains (Fizik)</li> <li>▶ Sarjana Sains (Kimia)</li> <li>▶ Sarjana Sains (Matematik)</li> <li>▶ Sarjana Sains (Sains Makanan)</li> <li>▶ Sarjana Sains (Teknologi Makanan)</li> <li>▶ Sarjana Sains (Statistik)</li> </ul>
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)		<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Doktor Falsafah (Teknologi Kemanusiaan)</li> <li>▶ Sarjana Teknologi Kemanusiaan (Sistem Prestasi Manusia)</li> <li>▶ Sarjana Teknologi Kemanusiaan (Sistem Pentadbiran Halal)</li> <li>▶ Sarjana Teknologi Kemanusiaan (Pembelajaran Bahasa Berasaskan Teknologi)</li> <li>▶ Sarjana Teknologi Kemanusiaan (Bahasa Inggeris &amp; Komunikasi Profesional)</li> </ul>

## Populasi Pelajar

Populasi pelajar universiti di semua peringkat pengajian telah meningkat berbanding tahun sebelumnya. Sehingga Disember 2011, populasi pelajar di semua peringkat pengajian masing-masing berjumlah 7,061 di peringkat prasiswazah dan 504 orang di peringkat pengajian siswazah.

Jadual 8: Populasi Pelajar Peringkat Prasiswazah dan Pengajian Siswazah mengikut Bidang Pengajian 2011

BIDANG PENGAJIAN	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH		PERATUSAN (%)
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	Ph.D	
Kejuruteraan	622	4,299	215	95	69
Bukan Kejuruteraan	246	1,894	99	95	31
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>868</b>	<b>6,193</b>	<b>314</b>	<b>190</b>	<b>100</b>

Jadual 9: Bilangan Pelajar Baharu yang Mendaftar Pada Tahun 2011 bagi Semua Peringkat Pengajian:

BIDANG PENGAJIAN	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH		PERATUSAN (%)
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	Ph.D	
Kejuruteraan	384	1,795	66	32	68
Bukan Kejuruteraan	178	853	28	35	32
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>562</b>	<b>2,648</b>	<b>94</b>	<b>67</b>	<b>100</b>



Di peringkat pengajian siswazah, jumlah keseluruhan kemasukan pelajar baharu adalah seramai 161 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 150 orang pelajar mengikuti pengajian secara sepenuh masa manakala 11 orang pelajar lagi mengikuti pengajian secara separuh masa. Jadual 10 berikut pula menunjukkan kemasukan pelajar baharu pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah diterima masuk mengikuti pengajian di UMP pada tahun 2011.

Jadual 10: Kemasukan Pelajar Baharu Tempatan dan Antarabangsa Mengikuti Pengajian di UMP Pada Tahun 2011

PELAJAR	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA	SARJANA	Ph.D
TEMPATAN	100	11	75	36
ANTARABANGSA	50	0	19	31
<b>JUMLAH</b>	<b>150</b>	<b>11</b>	<b>94</b>	<b>67</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>161</b>		<b>161</b>	

Jadual 11: Jumlah Keseluruhan Pelajar Pengajian Siswazah Sehingga 31 Disember 2011 Mengikut Program Pengajian

PROGRAM PENGAJIAN	SEPARUH MASA	SEPENUH MASA
Sarjana Kejuruteraan	61	241
Sarjana Sains	0	3
Sarjana Pengurusan Teknologi	0	9
Doktor Falsafah	24	166
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>85</b>	<b>419</b>

Carta 9: Populasi Pelajar Pengajian Siswazah  
(Tempatan & Antarabangsa) 2011Carta 10: Taburan Pelajar Antarabangsa (mengikut negara) Yang Telah Mendaftar  
Pada Tahun 2011 Bagi Program Pengajian Siswazah


## Penganugerahan dan Pengijazahan

Majlis Konvokesyen Ke-6 UMP telah diadakan pada 1 Oktober 2011 dengan menyaksikan seramai 1,290 orang telah menamatkan pengajian. Tahun ini juga menyaksikan pertambahan seramai 13 orang graduan yang cemerlang menerima anugerah dan hadiah industri.

Jadual 12: Perincian Penganugerahan Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian (Termasuk Diploma Eksekutif).

FAKULTI	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH	
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	Ph.D
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	39	148	-	-
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	65	173	-	1
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	30	214	9	2
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	30	222	2	2
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	45	109	7	1
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	-	-	4	2
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	-	-	2	-
Fakulti Teknologi (FTech)	-	-	1	2
Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) (* Diploma Eksekutif)	180*			
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>389</b>	<b>866</b>	<b>25</b>	<b>10</b>

Carta 11: Peratusan Penganugerahan Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian (Termasuk Diploma Eksekutif)



## Pembangunan Akademik

Selain daripada aspek pengurusan akademik, UMP turut melihat aspek pembangunan akademik perlu diberi nafas baharu. Justeru, peranan Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) terus diperkasakan dengan pelantikan dua orang Timbalan Pengarah masing-masing bagi Inovasi & Amalan Terbaik serta Jaminan Kualiti Akademik. Justeru, pembangunan akademik Universiti merangkumi program peningkatan profesionalisme staf akademik, penjaminan kualiti, latihan industri pelajar serta pelaksanaan kokurikulum.

### Program Peningkatan Profesionalisme Staf

Bagi memperkasakan tahap kualiti dan profesionalisme staf akademik, melalui kerjasama Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK), sejumlah 18 kursus telah dijalankan sepanjang tahun 2011 berbanding 10 kursus sahaja pada tahun sebelumnya. Kursus-kursus tersebut merangkumi kursus bagi staf akademik dan bukan akademik.

### Penjaminan Kualiti Akademik

Bagi memantapkan serta memastikan program yang ditawarkan oleh UMP diiktiraf oleh badan-badan profesional, UMP sentiasa memastikan agar program yang ditawarkan sentiasa relevan, terkini dan memenuhi keperluan badan pengiktirafan. Justeru, sepanjang tahun 2011 sejumlah enam program Kejuruteraan telah melalui lawatan penilaian akreditasi oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) menerusi *Accreditation Engineering Council (EAC)* pada 4 dan 5 April 2011 dengan memperlihatkan komitmen universiti untuk memastikan agar graduan yang dihasilkan kelak diterima bekerja dan program mereka diiktiraf. Jadual 13 berikut adalah program-program yang telah melalui proses akreditasi oleh pihak EAC.

Jadual 13: Program-program yang telah melalui Proses Akreditasi oleh Pihak EAC.

PROGRAM YANG DINILAI	FAKULTI
Sarjana Muda Kejuruteraan Awam	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)
Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas)	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)

### Perancangan Akademik

UMP sentiasa memastikan agar program akademik yang ditawarkan adalah berdaya saing, maka pelbagai usaha dilaksanakan ke arah pembangunan program-program yang lebih futuristik, berinovasi dan berdaya saing. Jadual 14 di bawah menunjukkan beberapa perancangan untuk pembangunan akademik universiti.

Jadual 14: Perancangan untuk Pembangunan Akademik Universiti

PERANCANGAN	KETERANGAN
Program Baharu	<p><b>Kelulusan tiga program Ijazah Sarjana secara kerja kursus:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Ijazah Sarjana Sains Komputer (Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi)</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Sains Komputer (Rangkaian Komputer)</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)</li> </ul> <p><b>Kelulusan tujuh program Ijazah Sarjana Muda:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif (Program dwi-ijazah dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman)</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Teknologi Bahan</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dengan Kepujian</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga &amp; Persekitaran) dengan Kepujian</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) dengan Kepujian</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) dengan Kepujian</li> <li>▶ Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) dengan Kepujian</li> </ul> <p><b>Penjenamaan semula nama program pengajian siswazah dan penawaran program baharu pengajian siswazah melibatkan 53 buah program.</b></p> <p><b>Pembangunan program Master of Business Administration (MBA)</b></p>
Fakulti	<p><b>Penubuhan Fakulti Teknologi – untuk menyokong pelaksanaan program teknologi kejuruteraan.</b></p>



## Latihan Industri

Untuk memastikan pelajar UMP mencapai kualiti yang dikehendaki oleh pihak industri dan organisasi, seramai 1,926 orang pelajar telah berjaya ditempatkan di industri semasa program Latihan Industri (LI) dan daripada jumlah tersebut seramai lima orang pelajar telah berjaya mendapat tempat untuk menjalani LI di luar negara iaitu Singapura, India dan Arab Saudi.

Jadual 15: Bilangan Pelajar yang Menjalani LI Mengikut Fakulti Pada Tahun 2011

FAKULTI	TEMPOH MENJALANI LATIHAN INDUSTRI		JUMLAH
	SEM 2, 10/11	SEM 1, 11/12	
FKASA	173	262	435
FSKPP	44	176	220
FKEE	191	234	425
FKP	0	61	61
FKKSA	33	256	289
FKM	238	258	496
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>679</b>	<b>1,247</b>	<b>1,926</b>

Jadual 16: Bilangan Pelajar yang Berjaya Mendapat Tempat Menjalani LI di Luar Negara Pada Tahun 2011

BIL.	NEGARA	JUMLAH PELAJAR	NAMA INDUSTRI
1.	SINGAPURA	1	ALPHA21 CONSULTANT
2.		1	V-TECH CONSTRUCTION PTE LTD
3.		1	HI-P INTERNATIONAL LIMITED
4.	INDIA	1	PONDICHERRY UNIVERSITY
5.	ARAB SAUDI	1	GULF STABILIZERS INDUSTRIES

Dalam pada itu, satu program Malam Apresiasi Universiti-Industri telah diadakan pada 2 April 2011. Majlis tersebut telah memberi penghargaan kepada lima industri yang telah menerima bilangan yang paling ramai pelajar yang menjalani LI iaitu:

- ▶ Tenaga Nasional Berhad (TNB) - 42 orang
- ▶ Petronas Berhad - 36 orang
- ▶ Auto Parts Manufacturer Co. Sdn. Bhd. - 25 orang
- ▶ Telekom Malaysia Berhad - 20 orang
- ▶ Panasonic AVC Networks Johor Malaysia - 21 orang

## Kokurikulum

Pusat Kokurikulum berperanan untuk menyelaraskan kursus-kursus berkredit di samping pengurusan dan pelaksanaan aktiviti, pengurusan peralatan dan menilai kursus-kursus yang dijalankan. Sehingga akhir tahun 2011, sejumlah 33 kursus kokurikulum telah ditawarkan masing-masing 20 kursus di UMP Kampus Gambang dan selebihnya di UMP Pekan. Setiap kursus yang ditawarkan merupakan kursus yang diletakkan di bawah enam teras iaitu teras kepimpinan, kesukarelawan, pengucapan awam, daya usaha dan inovasi, sukan serta kesenian.

Sementara itu, mulai sesi akademik 2010/2011, PALAPES Laut dan KOR SISPA telah memulakan pengambilan sulung masing-masing seramai 20 orang dan 39 orang. Jumlah tersebut meningkat kepada 28 orang bagi PALAPES Laut dan 52 orang bagi KOR SISPA pada pengambilan sesi 2011/2012. Manakala pengambilan pelajar KOR SUKSIS juga meningkat daripada 64 orang pada sesi akademik 2010/2011 kepada 67 orang pada sesi berikutnya.

Jadual 17: Senarai Kursus Kokurikulum yang ditawarkan Mengikut Kampus

KAMPUS GAMBANG	KAMPUS PEKAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Brigid Siswa</li> <li>▶ KOR SUKSIS</li> <li>▶ KOR SISPA</li> <li>▶ Palapes Laut</li> <li>▶ Kaunselor Siswa</li> <li>▶ Iqra'</li> <li>▶ Nasyid</li> <li>▶ Muzik Kompang</li> <li>▶ Anyaman</li> <li>▶ Kayak</li> <li>▶ <i>Trekking</i></li> <li>▶ Silat Olahraga</li> <li>▶ Bola Sepak</li> <li>▶ Hoki</li> <li>▶ Bola Baling</li> <li>▶ Kriket</li> <li>▶ Memanah</li> <li>▶ Kecergasan</li> <li>▶ <i>Mountain Bike</i></li> <li>▶ <i>Paintball</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Brigid Siswa</li> <li>▶ Kaunselor Siswa</li> <li>▶ Nasyed</li> <li>▶ Muzik Kompang</li> <li>▶ Kayak</li> <li>▶ Trekking</li> <li>▶ Silat Olahraga</li> <li>▶ Bola Sepak</li> <li>▶ Bola Baling</li> <li>▶ Memanah</li> <li>▶ Kecergasan</li> <li>▶ <i>Mountain Bike</i></li> <li>▶ <i>Paintball</i></li> </ul>

## Program Jaringan Kerjasama UMP-Sekolah Kluster

Pada tahun 2011, terdapat empat buah Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) baharu telah ditindikkan dengan universiti ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan SKK yang ditindikkan adalah berjumlah tujuh buah sekolah. SKK adalah merupakan sekolah-sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya berasaskan aspek akademik, kokurikulum, sahsiah, pengurusan sekolah, budaya, hubungan dengan pihak luar, pembangunan modal insan dan sumber yang ada maka ianya telah memberi impak yang positif kepada sekolah tersebut.

SKK mempunyai bidang kebitaraan (*niche areas*) yang dapat menyerlahkan watak sekolah. Atas prinsip yang ada, universiti mewujudkan rangkaian untuk membenarkan sekolah mengikuti beberapa aktiviti di universiti serta mendapat manfaat daripada kemudahan-kemudahan termasuk makmal-makmal universiti.

Jadual 18: Senarai SKK Mengikut Bidang Kebitaraan

BIL.	NAMA SEKOLAH	BIDANG KEBITARAAN SEKOLAH
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib (SMART) (Fasa 1)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Sains, Kejuruteraan dan Teknologi.</li> <li>▶ Kokurikulum- Orkestra dan Gamelan</li> </ul>
2	Sekolah Kebangsaan (P) Methodist Kuantan (MGS) (Fasa 2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Bahasa Inggeris</li> <li>▶ Orkestra</li> <li>▶ Kokurikulum - Skuasy</li> </ul>
3	Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai (Fasa 2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Kebudayaan orang Asli seperti tarian pelandok, walinong sari.</li> <li>▶ Kemahiran 3M</li> </ul>
4.	Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Mentakab, (Fasa 3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Sains</li> <li>▶ Hoki</li> </ul>
5.	Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan (Fasa 3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Kemahiran Hidup</li> <li>▶ Seni Petah Bicara</li> <li>▶ <i>Jump Rope</i></li> <li>▶ Keusahawanan</li> </ul>
6.	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan, Bandar Baru Peramu, Pekan (Fasa 4)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Bahasa Inggeris</li> <li>▶ Kriket</li> </ul>
7.	Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom, Kuantan (Fasa 4)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Kimia</li> <li>▶ Robotik</li> <li>▶ Ragbi</li> </ul>

---

PENYELIDIKAN & INOVASI



## PENYELIDIKAN & INOVASI


Tahun 2011 merupakan satu tahun yang mencabar bagi warga penyelidik di UMP. Pengenalan geran-geran baharu oleh KPT seperti FRGS, PRGS, ERGS dan LRGS menarik penyertaan ramai penyelidik di UMP sekaligus menyemarakkan budaya penyelidikan di kalangan penyelidik baharu dan lama. Peruntukan penyelidikan yang besar, namun prosedur pemilihan geran yang ketat, menuntut warga penyelidik UMP untuk berusaha keras dalam menghasilkan inovasi penyelidikan yang benar-benar mampu untuk mewujudkan nilai tambah dalam kehidupan.

Dengan kekangan sumber kewangan, inisiatif-inisiatif penyelidikan tetap giat dijalankan. Bidang Keberhasilan Utama Universiti diberikan nafas baharu dengan merangka strategi dan inisiatif yang mampu untuk menghasilkan *output* yang membanggakan. Dana penyelidikan, persidangan harta intelek dan pra pengkomersialan tetap diberi keutamaan dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi di UMP.


## GERAN PENYELIDIKAN

Sepanjang tahun 2011, penyelidik-penyelidik di UMP telah meneruskan kecemerlangan khususnya dalam bidang penyelidikan. Ini ditunjukkan dengan kejayaan penyelidik-penyelidik di UMP dalam mendapatkan geran-geran penyelidikan luar khususnya geran-geran baharu yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), seperti geran ERGS, PRGS dan satu sub projek bagi program LRGS. Kejayaan ini menunjukkan kegigihan dan keazaman penyelidik-penyelidik di UMP untuk meningkatkan lagi kecemerlangan penyelidikan di universiti ini.

Carta 12: Bilangan Projek Penyelidikan di UMP Bagi Tahun 2010 dan 2011



Carta 13: Bilangan Projek Penyelidikan di UMP Mengikut Fakulti Pada Tahun 2010 dan 2011



Jadual 19: Bilangan Pecahan Geran Universiti mengikut Fakulti dan CoE


BIL	FAKULTI	BIL. GERAN UNIVERSITI & GERAN LUAR (2011)	NILAI GERAN UNIVERSITI & GERAN LUAR (2011)
1	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Alam	29	1,491,765.00
2	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	17	799,689.00
3	Fakulti Sains Komputer & Kejuruteraan Perisian	5	252,600.00
4	Fakulti Sains & Teknologi Industri	23	1,074,688.00
5	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan	17	373,761.40
6	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	9	516,980.00
7	Fakulti Kejuruteraan Alam & Sumber Alam	6	214,300.00
8	Fakulti Teknologi	3	113,667.00
9	Pusat Kejuruteraan Automotif	13	817,830.00
10	Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam	3	72,330.00
11	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	1	95,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>126</b>	<b>5,822,610.40</b>

### Pengiktirafan Penyelidikan dan Inovasi

Sepanjang tahun 2011, UMP telah menghantar sebanyak 63 produk penyelidikan untuk dipertandingkan di pameran penyelidikan dalam dan luar negara. Objektif utama penyertaan dalam pameran ini adalah untuk mempromosikan produk penyelidikan UMP kepada masyarakat umum dan memberi peluang kepada penyelidik untuk bertemu dengan pelbagai pihak dari industri dalam usaha pengkomersialan produk inovasi mereka.

Dengan penyertaan UMP ke pameran-pameran ini, produk penyelidikan UMP telah dianugerahkan dengan 53 pingat dan tiga Anugerah Khas.

Carta 14: Bilangan Pingat Yang Diperoleh Sepanjang Tahun 2011



## PUSAT HUBUNGAN UNIVERSITI-INDUSTRI

### Projek Prapengkomersialan 2011

Pada tahun 2011, Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC) telah menerima peruntukan Geran Prapengkomersialan daripada universiti sebanyak RM220,000.00. Geran ini bertujuan khusus untuk membantu para penyelidik untuk membangunkan projek Penyelidikan & Inovasi (R&D) yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Sebanyak enam projek yang berpotensi telah terpilih untuk menerima geran ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 20.

Jadual 20: Senarai Projek yang Memperoleh Geran Prapengkomersialan UMP Pada Tahun 2011

BIL.	NAMA PROJEK	KETUA PROJEK	NILAI GERAN
1.	<i>AsarFonts, Writing Tools for Islamic and Arabic Education/Studies</i>	Asar Abdul Karim	RM15,000.00
2.	<i>Formulation of Nontoxic Dental Care Herbal Tooth Paste for Preventing Toothcare and Gum Bleeding from Jatropha Latex</i>	Dr. Reddy Prasad	RM20,000.00
3.	<i>Extraction and Formulation of Biomedical Products from of Keratin Protein Derived from Chicken Feather</i>	Dr. Arun Gupta	RM15,000.00
4.	<i>Brick for Greener Environment (Green Brick)</i>	Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus	RM100,000.00
5.	<i>Production of Assymetric Polymeric Hollow Fiber Membrane for Advanced Water and Waste Water Purification</i>	Profesor Madya Dr. Zularisam Ab Wahid	RM50,000.00
6.	Potensi Produk Pisoptera dalam Menembusi Pasaran di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur	Abdul Syukor Bin Abd Razak	RM20,000.00

Projek R&D di UMP menunjukkan perkembangan yang positif dari semasa ke semasa. Dengan sokongan dan bantuan serta usaha gigih daripada pelbagai pihak terutamanya kerajaan, universiti telah berjaya mengkomersialkan satu produk R&D iaitu *AsarFonts*. Produk ini merupakan produk pertama yang julung kalinya dikomersialkan semenjak UMP ditubuhkan. Secara ringkasnya, produk ini ialah perisian menulis untuk Pengajian Islam dan Bahasa Arab.

### Projek Penyelidikan Kontrak 2011

Tahun 2011 menyaksikan peningkatan rakan kolaborasi bagi Geran Penyelidikan Kontrak. Rakan industri yang terlibat dalam kerjasama hubungan universiti Universiti-Industri dengan UMP seperti yang dinyatakan dalam Jadual 21 di bawah.

Jadual 21: Senarai Industri yang Menjalinkan Hubungan Universiti-Industri dengan UMP Pada Tahun 2011

BIL.	RAKAN KOLABORASI	TAJUK KOLABORASI	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	SIRIM Berhad	<i>Formulation of Non-Toxic Mouthwash Lotion from the Latex of Jatropha Curcas</i>	RM19,000.00
2.	Technofund	<i>Development of Suspension System for Passenger Car-Absorber Module</i>	RM150,400.00
3.	SIRIM Berhad	<i>Development of Natural Antibiotic Ointment Using the Latex of Jatropha Curcas</i>	RM10,000.00
4.	Technofund, Collaboration with LKPP & UniKL	<i>Production of Food &amp; Non-Food Ingredients from Agro Waste</i>	RM238,000.00
5.	Indah Water Konsortium Bhd.	<i>Anaerobic Digester Optimization at Pantai Sewage Treatment Plant</i>	RM35,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>RM452,400.00</b>

### Memorandum Persefahaman (MoU) 2011

Sepanjang tahun 2011 juga menyaksikan dua Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani dengan rakan industri yang mempunyai bidang atau aktiviti yang berkaitan dengan bidang fokus UMP.

Jadual 22: Senarai MoU yang Ditandatangani oleh Pihak Industri dengan UMP

BIL.	INDUSTRI INSTITUSI YANG TERLIBAT	AKTIVITI/BIDANG KERJASAMA	PTJ/FAKULTI YANG TERLIBAT	JENIS PERJANJIAN
1.	Malaysia Automotive Institute (MAI)	Kerjasama dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia khusus untuk <i>Automotive Apprenticeship Programme</i> untuk faedah industri automotif dan UMP. Bidang kerjasama adalah seperti berikut: <i>a. Apprenticeship Programme in Mold Engineering (Plastic Industry)</i> <i>b. Apprenticeship Programme in Dies Engineering (Metal Industry)</i> <i>c. Apprenticeship Programme in Manufacturing System (LPS)</i> Kerjasama ini juga melibatkan perkongsian kemudahan bagi tujuan R&D berkaitan dengan industri automotif yang memberi faedah kepada para pelajar, penyelidik, pensyarah dan juga industri automotif tempatan.	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT)	MoU
2.	SIRIM Berhad	Kerjasama ini juga melibatkan perkongsian kemudahan bagi tujuan R&D berkaitan dengan industri automotif yang memberi faedah kepada para pelajar, penyelidik, pensyarah dan juga industri automotif tempatan.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	MoU



Selain daripada MoU yang telah ditandatangani, terdapat 10 buah NDA (*Non-Disclosure Agreement*) yang telah ditandatangani pada tahun 2011. Dokumen NDA ini merupakan langkah awal kerjasama antara UMP dan Syarikat/Industri dalam pembangunan projek R&D.

Jadual 23: Senarai NDA yang Ditandatangani oleh Pihak Industri dengan UMP

BIL.	INDUSTRI INSTITUSI YANG TERLIBAT	AKTIVITI/BIDANG KERJASAMA	PTJ/FAKULTI YANG TERLIBAT	JENIS PERJANJIAN
1.	Waris Nove Sdn. Bhd.	<i>Recovery of Sodium Hydroxide in the Filtrate</i>	Pusat Hubungan Universiti-Industri (UIC)	NDA
2.	Universal Innovation & Capital Group	<i>Process for Extracting Keratin From Poultry Feathers</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	NDA
3.	Miyazu (Malaysia) Sdn. Bhd.	<i>UMP-MMSB Dies and Mould Centre Of Excellent</i>	Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)	NDA
4.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (Research Service Agreement)	<i>Anaerobic Digester Optimization At Pantai Sewage Treatment Plant</i>	Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)	NDA
5.	Robin Resources (M) Sdn. Bhd.	<i>Nano Wood Composite</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	NDA
6.	Steelcase Office Solutions (M) Sdn. Bhd.	<i>Nano Wood Composite &amp; Binderless Wood Composite</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	NDA
7.	Dent'al Asia Manufacturing Sdn. Bhd.	<i>Formulation of Nantoxic Dental Care Herbal Paste for Preventing Tooth Ache and gum Bleeding from Jatropha Latex</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	NDA
8.	Mieco Manufacturing Sdn. Bhd.	<i>Nano Wood Composite</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	NDA
9.	BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.	<i>The Project-Acrylic Boiler</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	NDA
10.	Takusyo Co, Ltd.	<i>Process For Extracting Keratin From Poultry Feathers</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	NDA

## Seminar Industri 2011

Tahun 2011 telah menyaksikan beberapa siri program Seminar Industri yang telah berjaya dianjurkan oleh UIC dengan kerjasama fakulti di mana penceramah yang dijemput adalah terdiri daripada pihak industri dan mempunyai kemahiran, pengalaman serta kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Program ini sangat bermanfaat kepada setiap peserta yang terdiri daripada pelajar, pensyarah serta staf UMP.

Jadual 24: Senarai Program Seminar Industri yang Dianjurkan Sepanjang Tahun 2011

BIL.	PENCERAMAH	TAJUK SEMINAR	TARIKH SEMINAR	PTJ/FAKULTI YANG TERLIBAT
1.	Mohd Razali Osman, Ketua Pegawai Eksekutif, Sapura Industrial Berhad	<i>Manufacturing – Sharing of Experience</i>	14 April 2011	Pusat Hubungan Universiti-Industri (UIC)/Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT)
2.	David Anthony Jones General Manager, RUAG Malaysia	<i>Issues and Practices in the Application and Adoption of Technology Management in Industry</i>	28 September 2011	Pusat Hubungan Universiti-Industri (UIC)/Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT)
3.	Ir. Dr. Zuhairi Abd Hamid Pengarah Eksekutif, Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)	<i>Green Building Initiatives for the Construction Industry</i>	28 September 2011	Pusat Hubungan Universiti-Industri (UIC)/Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumebr Alam (FKASA)
4.	Datuk Dr. Soon Ting-Kueh, Presiden, Institut Kimia Malaysia	<i>Institut Kimia Malaysia and Chemistry as a Profession in Malaysia</i>	19 Oktober 2011	Pusat Hubungan Universiti-Industri (UIC)/Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)


## Perlindungan Harta Intelekt

Tahun 2011 menyaksikan sebanyak empat paten telah berjaya mendapat sijil Granted dari Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MYIPO). Selain itu, sebanyak 58 paten telah difailkan di Malaysia dan empat paten telah difailkan di Amerika Syarikat. Sepanjang tahun 2011 juga, sebanyak enam hak cipta, tiga cap dagangan dan satu reka bentuk industri telah difailkan.

Jadual 25: Pendaftaran Harta Intelekt Tahun 2011

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	Paten	56
2.	Hak Cipta	6
3.	Cap Dagangan	3
4.	Reka Bentuk Industri	1
5.	US Paten	4
6.	Granted	4
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>74</b>


Carta 15: Pendaftaran Harta Intelekt dari Tahun 2008-2011 UMP



## Penerbit UMP

Prestasi Penerbit UMP pada tahun 2011 sangat memuaskan. Semua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Budaya menulis di kalangan warga akademik semakin menyerlah dan berjaya menghasilkan produk penulisan yang memberangsangkan. Selain itu, jumlah jualan buku ilmiah juga semakin meningkat saban tahun. Di bawah ini dilampirkan data-data yang berkaitan.


Carta 16: Hasil Jualan Penerbitan Ilmiah



Jadual 26: Statistik Penerbitan Buku Ilmiah Mengikut Tahun Penerbitan dan Klasifikasi

KATEGORI	TAHUN			
	2008	2009	2010	2011
Karya Asli / Monograf	16	14	16	10
Jurnal	1	2	3	9
Modul/Manual	1	10	0	4
Prosiding	1	0	3	1
Cofee Table	0	2	0	0


Carta 17: Statistik Penerbitan Mengikut PTJ dan Tahun Penerbitan




## Penerbitan Artikel dalam Jurnal dan Pengurusan Persidangan

Pengurusan persidangan dan penerbitan artikel dalam jurnal diuruskan oleh Jabatan Penyelidikan & Inovasi mulai bulan Februari 2009. Pengurusan inisiatif ini adalah di bawah kawalan tabung persidangan dan ianya dimanfaatkan oleh semua staf akademik dan bukan akademik dengan tujuan untuk meningkatkan aktiviti persidangan serta kualiti dan bilangan artikel yang mempunyai faktor impak. Selain itu, ianya juga melibatkan pengurusan persidangan dan penerbitan artikel pelajar pengajian siswazah yang turut diuruskan oleh jabatan ini dengan menggunakan geran penyelidikan yang diberikan kepada mereka. Carta 18 berikut merupakan maklumat perincian penerbitan artikel dalam jurnal, persidangan dalam dan luar negara pada tahun 2011.


Carta 18: Jumlah Penghasilan Artikel Dalam Jurnal, Persidangan Dalam dan Luar Negara dari 2009 Hingga 2011




Carta 19: Jumlah Persidangan Dalam Negara Mengikut Fakulti/Pusat Bagi Tahun 2011 (Staf Akademik)




Carta 20: Jumlah Persidangan dalam Negara Mengikut Fakulti/Pusat (Pelajar Pengajian Siswazah)




Carta 21: Jumlah Persidangan Luar Negara Mengikut Fakulti / Pusat bagi Tahun 2011 (Staf Akademik)




Carta 23: Jumlah Penerbitan Artikel dalam Jurnal (Staf Akademik)



Carta 22: Jumlah Persidangan Luar Negara Mengikut Fakulti/Pusat bagi Tahun 2011 (Pelajar Pengajian Siswazah)



Carta 24: Jumlah Penerbitan Artikel dalam Jurnal (Pelajar Pengajian Siswazah)



---

# PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

### Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)

Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) telah ditubuhkan pada tahun 2004. Sebelum ini, CENFED dikenali sebagai Pusat Pembangunan Kemahiran. Tujuan penubuhan CENFED adalah untuk menyelaraskan latihan semula, latihan berterusan, peningkatan kemahiran dan pembangunan latihan profesional kepada masyarakat sekeliling dan industri setempat. Ini berkait rapat dengan Teras ke 6 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu membudayakan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat dan sejajar dengan KRA 2. Ini juga sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk meningkatkan pembangunan modal insan melalui konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kini, sehingga tahun 2011, CENFED telah melatih hampir 8,000 peserta di seluruh negara dengan program yang ditawarkan merangkumi program pembangunan profesional dan program pengajian berterusan. CENFED juga telah diiktiraf oleh pihak SIRIM melalui Persijilan MS ISO 9001:2008 (Skop Perkhidmatan Latihan Luaran). Bagi tahun 2011, CENFED sekali lagi berjaya mengekalkan persijilan yang diperoleh sejak tahun 2004. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan MS ISO 9001:2008 (Skop Perkhidmatan Latihan Luaran) di UMP memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh pihak SIRIM.

Bentuk program yang dianjurkan oleh CENFED:

- ▶ Program Peningkatan Kemahiran IKS/PKS & Kontraktor
- ▶ Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional
- ▶ Kursus Profesional dan Jangka Pendek
- ▶ Diploma Eksekutif dan Separuh Masa
- ▶ Perkhidmatan Rundingan
- ▶ Sijil Profesional

### Program

CENFED menawarkan pelbagai program dalam bentuk jangka panjang dan jangka pendek sepanjang tahun 2011. Program yang ditawarkan adalah program CENFED sendiri, program-program dari fakulti serta program dari rakan kerjasama. Setiap tahun, penawaran bilangan program semakin bertambah dari semasa ke semasa dan kini sudah mencecah sebanyak 195 program. Sewaktu asal penubuhan CENFED sekitar tahun 2004 bilangan program yang ditawarkan hanyalah dua program sahaja. Seajar dengan perkembangan CENFED bilangan program telah bertambah setiap tahun.

- ▶ CENFED juga adalah penyedia latihan yang diiktiraf oleh agensi berikut:
- ▶ *East Cost Economic Region (ECER)*;
- ▶ *Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)*;
- ▶ *Department of Occupational Safety & Health (DOSH)*;
- ▶ *Construction Industry Development Board (CIDB), Malaysia*; dan
- ▶ *Small & Medium Enterprise Corporation, Malaysia (SME Corp, Malaysia)*.


UMP melalui CENFED merupakan satu-satunya IPTA yang diiktiraf oleh pihak DOSH dalam penawaran program Persijilan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan. Bidang keselamatan pekerjaan semakin berkembang di Malaysia sejajar dengan perkembangan industri di Malaysia. Sehingga kini, hampir 800 peserta telah mengikuti Program Persijilan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan bersama CENFED dengan bilangan program sebanyak 40 program. Program ini adalah antara program yang terlaris dan mempunyai permintaan tinggi sepanjang tahun. Kebanyakan peserta adalah dikalangan pekerja industri sekitar Pahang dan Pantai Timur.

Antara program baharu yang dijalankan oleh CENFED pada tahun 2011 adalah program Pensyarah Muda. Program ini dijalankan dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) bagi mengadakan bengkel Kepimpinan Pensyarah Muda. Objektif program ini adalah sebagai wadah melahirkan pelapis kepimpinan di kalangan akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi menerajui kepimpinan di masa hadapan. Antara isi kandungan di dalam program ini adalah memberikan pengetahuan dan kepimpinan kepada para pensyarah serta pelan jangka panjang Pusat Kepimpinan Penyelidikan dan Inovasi AKEPT.




Pada tahun 2011, Program Sinar ECER 2011 diperkenalkan untuk anak-anak peserta Agropolitan Pekan – Runchang dan Lepar. Program ini dijalankan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Program Sinar ECER merupakan program pembangunan modal insan yang bertujuan untuk menyokong pertumbuhan modal insan dan pembangunan generasi muda di kalangan peserta. Di samping itu, program SINAR ECER juga dapat memotivasikan dan menanamkan nilai-nilai yang kuat dan karakter di kalangan peserta sebagai persiapan untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan. Jumlah peserta adalah seramai 170 orang.

Carta 25: Pergerakan Bilangan Peserta yang Menyertai Program yang Dianjurkan oleh CENFED dari Tahun 2004 Sehingga Tahun 2011.



Carta 26: Nilai Projek yang Diperoleh Sepanjang Penubuhan CENFED Sehingga Tahun 2011



Jadual 27: Jumlah Program yang Ditawarkan oleh Pihak CENFED Sepanjang Tahun 2011

PROGRAM YANG DITAWARKAN		JUMLAH PROGRAM
Program Pembangunan Profesional	Jangka Pendek	130
	Badan Pengikhtirafan	53
Program Pengajian Berterusan	Sepuluh Masa	2
	Eksekutif	10

Jadual 28 di bawah menunjukkan program yang berimpak tinggi yang dijalankan sepanjang tahun 2011. Program berimpak diklasifikasikan mengikut dua fungsi utama iaitu Program Pembangunan Profesional dan Program Pengajian Berterusan.

Jadual 28: Program Pembangunan Profesional

BIL	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1.	Persijilan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	148
2.	Program Sinar ECER 2011	120
3.	Prgram kebolehpasaran graduan- kolej komuniti - KPT	50
4.	Bengkel Penulisan & Kepimpinan Pensyarah Muda 2011	150
5.	<i>Magnetic Particle Testing &amp; Penetrant Testing-ASNT</i>	62
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>530</b>

Jadual 29: Program Pengajian Berterusan

BIL.	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1.	Diploma Eksekutif Pengurusan Perlindungan & Teknologi	287
2.	Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan & Keusahawanan	164
3.	Diploma Separuh Masa Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan Industri & Alam Sekitar	19
4.	Diploma Separuh Masa Kimia (Loji Proses)	30
5.	Diploma Eksekutif Pengurusan Projek – Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Pahang	27
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>527</b>



---

# PENGANTARABANGSAAN



## PENGANTARABANGSAAN

Sepanjang tahun 2011, agenda pengantarabangsaan UMP telah diperkembangkan lagi oleh seluruh warga universiti dan Pejabat Antarabangsa khususnya. Agenda pengantarabangsaan UMP bagi tahun 2011 telah mengalami permulaan yang begitu memberangsangkan dengan Majlis Perasmian *'Mandarin Language & Culture Centre'* atau ringkasannya MLCC pada 18 Januari 2011 yang telah disempurnakan oleh Y.B. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Saifuddin Abdullah. MLCC merupakan manifestasi kerjasama antara UMP dan Hebei University, Republik Rakyat China dan adalah pusat yang pertama seumpamanya di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Selain itu, Pejabat Antarabangsa juga telah mengadakan Pameran Bergambar mengenai pencapaian pelajar UMP dalam Program *'Around The World In 1 Day 2010...Footsteps Towards Humanity'* pada 28 hingga 30 Mac 2011 bertempat di Lobi Utama, Bangunan Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan. Pameran selama dua hari tersebut telah disaksikan oleh pengunjung-pengunjung termasuk Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang sendiri. Pameran ini bertujuan untuk mempromosikan aktiviti mobiliti pelajar-pelajar UMP yang telah dijalankan oleh Pejabat Antarabangsa khususnya bagi Program *'Around The World In 1 Day 2010...Footsteps Towards Humanity'*.

Tahun 2011 juga turut menyaksikan buat julung kalinya komuniti antarabangsa di UMP berpeluang untuk berinteraksi dengan lebih dekat bersama dengan masyarakat setempat melalui penganjuran

Hari keluarga Pejabat Antarabangsa bersama penduduk Kampung Cherok Paloh, Pekan yang telah diadakan pada 2 hingga 3 Julai 2011. Pelajar antarabangsa dan tempatan UMP telah berganding bahu menjalankan pelbagai aktiviti dengan penduduk kampung sepanjang berlangsungnya program tersebut. Program ini bukan sahaja telah berjaya memberikan pengalaman yang berguna kepada pelajar antarabangsa di UMP malahan telah membuka mata masyarakat setempat khususnya penduduk Kampung Cherok Paloh mengenai UMP secara amnya.

Bagi memberikan pendedahan kepada pelajar UMP berkenaan dengan isu-isu global, Pejabat Antarabangsa telah menganjurkan program yang dinamakan *"Strike A Pose & Freeze"* bersempena dengan sambutan Hari Keamanan Sedunia pada 18 September 2011 bertempat di Padang MPK, Kuantan. Program ini adalah anjuran bersama UMP dengan KPT dan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM). Ianya telah disertai seramai hampir 900 orang pelajar UMP dan berjaya menarik minat pelajar daripada pelbagai lapisan latar belakang. Selain itu, pihak Pejabat Antarabangsa juga turut memperingati beberapa sambutan hari UNESCO sedunia dengan mempamerkan *banner* di kawasan pejabat dan mendapatkan tandatangan sokongan daripada warga UMP. Antara hari UNESCO yang disambut sepanjang tahun 2011 ialah Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac 2011, Hari Kesihatan Sedunia pada 7 April 2011 dan Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada 31 Mei 2011.

Berkenaan dengan menjalinkan

hubungan dengan organisasi yang berkepentingan, tahun 2011 telah menyaksikan satu perjanjian persefahaman telah dimeterai antara UMP dan Kedutaan Republik Yemen di Kuala Lumpur. Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah diadakan di Kedutaan Republik Yemen di Kuala Lumpur pada 16 November 2011. UMP diwakili oleh Naib Canselor sementara Kedutaan Republik Yemen diwakili oleh dutanya sendiri, Mr. Abdullah Mohamad Ali Al-Montaser. Dengan termeterainya perjanjian persefahaman ini, ianya membuka ruang kepada lebih ramai pelajar khususnya daripada Republik Yemen untuk menyambung pengajian mereka di UMP baik di peringkat prasiswazah mahupun pengajian siswazah.

Akhir sekali, sebagai penutup kepada aktiviti pengantarabangsaan pada tahun 2011, satu program yang dinamakan *"International Night 2011"* telah dianjurkan oleh Pejabat Antarabangsa pada 9 Disember 2011. Ianya dihadiri oleh lebih 500 orang pelajar dan staf UMP dan dengan bertemakan *"Colours of the World"*, program ini telah memaparkan kebudayaan daripada seluruh pelusuk dunia yang mewakili pelajar-pelajar antarabangsa yang ada di UMP pada masa ini.

Secara keseluruhannya, tahun 2011 merupakan tahun yang penuh dengan pelbagai aktiviti pengantarabangsaan yang bukan sahaja mendekatkan UMP dengan komuniti antarabangsa, malahan mendekati komuniti antarabangsa yang berada di UMP dengan masyarakat setempat.

## Pelajar Antarabangsa

Jadual 30: Jumlah Pelajar Antarabangsa di UMP Sepanjang 2011  
Mengikut Negara Asal Mereka

NEGARA	BILANGAN PELAJAR
Indonesia	28
Kemboja	1
China	44
Iraq	19
Pakistan	16
Yemen	7
Bangladesh	14
Sudan	7
Libya	4
Uzbekistan	1
India	10
Republik Chad	1
Nigeria	2
Somalia	1
Algeria	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>156</b>



Jadual 31: Bilangan Pelajar Antarabangsa Sepanjang 2011 Mengikut  
Peringkat Pengajian

PERINGKAT PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR
Sarjana Muda	42
Sarjana	44
Doktoral	70
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>156</b>

Jadual 32: Bilangan Pelajar Antarabangsa Sepanjang 2011 Mengikut Fakulti

FAKULTI	PROGRAM			JUMLAH
	SARJANA MUDA	SARJANA	Ph.D	
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	8	8	15	31
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	4	12	18	34
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	14	3	6	23
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	6	3	9	18
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	2	6	6	14
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	-	-	-	-
Fakulti Teknologi (FTec)	7	8	5	20
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	1	4	11	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>42</b>	<b>44</b>	<b>70</b>	<b>156</b>







---

## PENGURUSAN ILMU



## PENGURUSAN ILMU

Sepanjang tahun 2011, Perpustakaan banyak menumpukan kepada pembangunan Perpustakaan Induk UMP yang terletak di Kampus UMP Pekan, Pahang. Tanggungjawab dalam pembangunan koleksi, perkhidmatan dan pembangunan staf tetap dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan warga UMP terhadap perkhidmatan maklumat yang berkualiti dan efisien. Perkhidmatan yang berkualiti dan lebih sistematik telah diberi penekanan dan penambahbaikan dengan pemantapan sistem bersepadu dalam talian iaitu Virtua bagi seluruh rangkaian Perpustakaan UMP dan IMS bagi pengurusan perolehan di Perpustakaan UMP.

Perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna amatlah penting kerana jumlah pengguna telah meningkat dari semasa ke semasa. Tambahan pula ini merupakan fungsi utama perpustakaan. Sehingga Disember 2011, jumlah pengguna perpustakaan seramai 9,873 orang. Pecahan kategori pengguna seperti di Jadual 33 di bawah.

Jadual 33: Jumlah Pengguna Perpustakaan Mengikut Kategori Tahun 2011

KATEGORI KEAHLIAN	JUMLAH
Pelajar Diploma dan Ijazah	8,407
Pelajar Lulusan Ijazah	323
Staf Akademik	545
Staf Bukan Akademik	585
Ahli Publik	13
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>9,873</b>

### Pembangunan Infrastruktur

Perpustakaan induk di Kampus Pekan berkeluasan 16,000 meter persegi dapat menampung seramai 3,000 orang dalam satu-satu masa. Pada penghujung 2011, kerja-kerja pembinaan telahpun siap sepenuhnya, namun beberapa kelengkapan lain masih dalam proses pembinaan. Rentetan itu, dijangka pada 1 Februari 2012 bangunan empat tingkat ini akan dibuka kepada pengguna. Ini menjadikan Perpustakaan Pekan sebagai perpustakaan utama dan Perpustakaan Gambang sebagai cawangan. Pembahagian staf juga lebih ramai di Perpustakaan Pekan di mana di sana menumpukan kerja-kerja pembangunan koleksi. Manakala Perpustakaan Gambang menjalankan kerja-kerja perkhidmatan pengguna sahaja.

### Perancangan dan Pembangunan Infrastruktur ICT Perpustakaan UMP, Pekan

Infrastruktur ICT Perpustakaan Pekan bagi kegunaan pengguna merangkumi sistem rangkaian dan telekomunikasi serta juga sistem ELV. Selain itu, perpustakaan menyediakan beberapa sistem baharu dalam membantu memberikan perkhidmatan kepada pengguna perpustakaan. Antara sistem yang disediakan adalah:

#### ► Sistem RFID (Radio Frequency Identification System) 'Tri-Teknologi'

Perpustakaan UMP berhasrat menjadi perpustakaan yang pertama dalam menerajui sistem RFID Tri-Teknologi. Tri-Teknologi adalah gabungan tiga teknologi iaitu **HF**, **UHF** dan **EM** dalam menjalankan operasi perkhidmatan di perpustakaan. Menggunakan RFID tag berfrekuensi HF dan UHF sebagai alat penstoran maklumat bahan dan EM (*Elektro Magnetic*) berfungsi bagi menjaga keselamatan bahan perpustakaan.

Bangunan baharu perpustakaan di Pekan akan dilengkapi dengan peralatan RFID yang terkini menggunakan sistem Tri-Teknologi dalam memberi perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan perpustakaan. Pengguna perpustakaan berpeluang melakukan sendiri aktiviti peminjaman dengan kemudahan mesin *selfcheck* dan memulangkan bahan dengan menggunakan mesin *bookdrop*. Setiap alat RFID akan dihubungkan dengan sistem perpustakaan 'VIRTUA' bagi tujuan mengemas kini maklumat pinjaman dan pemulangan pengguna.

#### ► Sistem Pengurusan Makmal (DCCS System)


Sistem ini akan digunakan di makmal komputer di Perpustakaan Gambang dan Pekan. Ia merupakan sistem pengurusan berpusat yang mampu menguruskan beberapa makmal atau kumpulan komputer. Pengguna perlu memasukkan nombor kad pelajar atau kad pekerja bagi mengaktifkan komputer. Di sini staf perpustakaan mampu mengenal pasti identiti pengguna yang menggunakan komputer. Selain itu, sistem ini juga mampu:

- Mengurus operasi makmal secara automatik seperti menghidupkan dan menutup komputer mengikut jadual yang telah ditetapkan, menyediakan makmal untuk kelas dan menjalankan penyelenggaraan komputer;
- Menyediakan perkhidmatan percetakan mengikut jumlah yang telah dibayar; dan
- Mengeluarkan statistik penggunaan komputer mengikut jumlah penggunaannya.

#### Pembangunan Koleksi

Carta 27 di bawah menunjukkan bajet yang diperoleh untuk pembangunan koleksi bahan perpustakaan dan dari jumlah tersebut sebanyak 53 peratus yang digunakan dalam pembelian buku dan bahan media iaitu sebanyak 4,866 naskhah diperuntukan untuk bahan monograf dan 347 unit bahan media.

Carta 27: Perbelanjaan Pembelian Bahan Perpustakaan 2011



#### Koleksi Terbitan Bersiri

Perpustakaan UMP telah mengembangkan koleksinya dengan menambah langganan baharu majalah dan jurnal bercetak sebanyak lima judul iaitu *Malaysian Corridor*, *Malaysian Business*, *Malaysian Management Review*, *NewScientist* dan *Warta Konsumer*. Sebanyak 74 judul lagi diterima sebagai bahan hadiah.

Manakala bagi koleksi pangkalan data pula, perpustakaan telah melanggan satu langganan baharu iaitu BLIS yang dilanggan secara konsortium oleh KPT.

Pada tahun 2011, sebanyak lapan buah pangkalan data percubaan telah didedahkan kepada para pengguna Perpustakaan UMP bagi memberi mereka peluang untuk menilai dan memilih pangkalan data yang sesuai. Pangkalan data tersebut adalah:

Jadual 34: Pangkalan Data

BIL.	NAMA PANGKALAN DATA
1.	<i>Turn it in</i>
2.	<i>Journal of Cultural Heritage and Sustainable Development</i>
3.	<i>The Scientist Magazine</i>
4.	<i>Knovel</i>
5.	<i>Academic Oneprofile &amp; GVRL e-book</i>
6.	<i>WSPC journal (SPIN, JAD, QJF)</i>
7.	<i>Taylor &amp; Francis</i>
8.	<i>ASTM SEDL</i>

Jadual 35: Pangkalan Data Percuma (*Open Access*)

BIL.	NAMA PANGKALAN DATA
1.	<i>Books 24x7's Library</i>
2.	<i>Muse Federated Search</i>
3.	<i>Academic Open Internet Journal</i>
4.	<i>ASEAN Journal of Open and Distance Learning</i>
5.	<i>BMC Biotechnology</i>
6.	<i>BENTHAM Open Journal</i>
7.	<i>Electronic journal of University Malaya (EJUM)</i>
8.	<i>Broadbands Technical Journal Directory</i>
9.	<i>Electronic Journal Technical Acoustics</i>
10.	<i>e-Polymers</i>
11.	<i>Highwire Free Online</i>
12.	<i>Information Research</i>
13.	<i>IAENG International Journal of Computer Science</i>
14.	<i>Journal of commercial Biotechnology</i>
15.	<i>Journal of Digital Information</i>
16.	<i>Journal of Nanobiotechnology</i>
17.	<i>J-STAGE (Japan Science &amp; Technology Information Aggregator)</i>
18.	<i>Open Directory : Science Publications</i>
19.	<i>Web Journal of current Legal issues</i>

Jadual 36: Koleksi Pangkalan Data Atas Talian

BIL.	NAMA PANGKALAN DATA
1.	<i>American Chemical Society (ACS)</i>
2.	<i>American Society of Civil Engineering (ASCE)</i>
3.	<i>American Society of Mechanical Engineering (ASME)</i>
4.	<i>ACM Digital Library</i>
5.	<i>Emerald Management Xtra 95</i>
6.	<i>IEEEExplore</i>
7.	<i>Malaysian Standards Online</i>
8.	<i>SIRIM Electronic Library</i>
9.	<i>Science Direct</i>
10.	<i>Scopus</i>
11.	<i>Science Direct Backfiles</i>
12.	<i>Springerlink</i>
13.	<i>Journal Citation Reports</i>
14.	<i>CLJ Law</i>
15.	<i>Ulrich web</i>
16.	<i>Proquest</i>
17.	<i>Ebscohost</i>

*Nota: Wizfolio terpaksa ditamatkan kerana tidak mendapat sambutan pengguna.*

Jadual 37: Koleksi Jurnal Elektrik (e-Journal) Atas Talian

BIL.	JUDUL JURNAL ELEKTRONIK
1.	<i>Asian Journal of Management Cases</i>
2.	<i>RELC Journal</i>
3.	<i>ELT Journal</i>
4.	<i>International Journal of Innovation &amp; Technology Management</i>
5.	<i>Journal of Occupational &amp; Environmental Hygiene</i>
6.	<i>The Library quarterly</i>
7.	<i>International Journal of Public sector Performance Management</i>
8.	<i>Proceeding of ICE, Bridge Engineering</i>
9.	<i>Proceeding of ICE, Civil Engineering</i>
10.	<i>Proceeding of ICE, Construction Material</i>
11.	<i>Proceeding of ICE, Geotechnical Engineering</i>
12.	<i>Proceeding of ICE, Ground Improvement</i>
13.	<i>Proceeding of ICE, Management Procurement and Law</i>
14.	<i>Proceeding of ICE, Stryctural and Buildings</i>
15.	<i>Proceeding of ICE, Urban Design and Planning</i>
16.	<i>Advances in Cement Research</i>
17.	<i>Geotechnique</i>
18.	<i>Magazine and concrete research</i>
19.	<i>Structural Concrete</i>
20.	<i>Flavor and fragrances</i>
21.	<i>International Journal of Food Science &amp; Technology</i>
22.	<i>Wireless Communication and Mobile Computing</i>
23.	<i>Science Technology and Human Values</i>

Jadual 38: Koleksi Buku Elektrik (e-Book) Atas Talian


BIL.	NAMA E-BOOK
1.	<i>Ebrary</i>
2.	<i>Engnetbase</i>
3.	<i>GVRL</i>
4.	<i>Ebscho (known as Netlibrary)</i>
5.	<i>E-Wiley</i>
6.	<i>Books 24x7</i>

Jadual 39: Koleksi Surat Khabar Elektrik (e-Newspaper) Atas Talian


BIL.	NAMA
1.	NSTP-e media
2.	Blis

## Statistik Penggunaan Pangkalan Data Terpilih


Carta 28: Perbandingan Muat Turun Artikel Teks Penuh *Science Direct* 2010 dan 2011




Carta 29: Statistik IEEEExplore bagi Permintaan Muat Turun Artikel 2010 dan 2011




Carta 30: Statistik Emerald Pada Tahun 2010 dan 2011



Carta 31: Perbandingan Bilangan Pencarian bagi ASME Pada Tahun 2010 dan 2011



Carta 32: Perbandingan Pencarian Bagi ASCE 2010 dan 2011



## Pembangunan Perkhidmatan

Bagi meningkatkan perkhidmatan perpustakaan dan mendekatkan pengguna serta masyarakat setempat dengan perpustakaan khususnya dan UMP umumnya, perpustakaan telah menjalankan beberapa program, iaitu:

### ► Sambutan Bulan Membaca

Antara program utama yang dijalankan oleh perpustakaan pada tahun 2011 ialah Sambutan Bulan Membaca. Ia diadakan sepanjang bulan September 2011 khususnya bagi menarik warga UMP ke perpustakaan dan juga untuk mendedahkan perpustakaan dan UMP kepada warga tempatan di Kuantan dan Pekan. Sebanyak 12 aktiviti telah diadakan sepanjang program ini berlangsung dan aktiviti yang paling mendapat tarikan para pelajar dari sekolah-sekolah ialah Program Pengkisahan Sejarah Perlombongan Bijih Timah di Sungai Lembing serta Pameran Teknologi Perlombongan. Sepanjang program diadakan seramai lebih 1,200 pengunjung telah menyaksikan pameran dan juga menghadiri Majlis Pengkisahan Sejarah. Sebanyak lapan buah sekolah dan sebuah IPT di sekitar Kuantan dan Pekan turut memeriahkan program yang diadakan hasil kerjasama Perpustakaan UMP dan Muzium Sungai Lembing ini.



*Pegawai Bertugas sedang menerangkan tentang peralatan perlombongan kepada para pelawat*



*Penyampaian hadiah bagi peminjam buku terbanyak di Perpustakaan bagi tahun 2011*



*Pemenang-pemenang Pertandingan Gubahan Berdasarkan Buku di Perpustakaan Sempena Sambutan Bulan Membaca 2011*



*Pegawai dari Muzium Sungai Lembing sedang menunjuk ajar staf perpustakaan cara-cara menyusun barang pameran*

### ► Seminar Pengurusan Ilmu

Seminar bertajuk "KM Culture Seminar: The Beginning of Change" ini telah diadakan pada 31 Januari 2011 dengan kerjasama Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP). Seminar ini terbuka kepada warga UMP dan masyarakat awam dan ia diberikan secara percuma. Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada pustakawan, staf UMP dan pelajar IPT telah menghadiri seminar ini.



► **Program Perkongsian Ilmu  
(Knowledge Sharing) Terbuka Staf  
UMP**

Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan telah mengadakan program untuk staf UMP bagi membudayakan perkongsian ilmu dan pengalaman. Pada tahun 2011, dua aktiviti telah diadakan iaitu:

- Pengurusan Cuti yang disampaikan oleh Puan Sabarehan Ismail dari Jabatan Pendaftar UMP pada 16 Mac 2011.
- Menghasilkan Buku Bagi Staf Bukan Akademik disampaikan oleh Puan Ida Rizyani Tahir, Pensyarah Fakulti Teknologi UMP pada 11 Mei 2011.



► **Memperkasa koleksi UMP  
Institutional Repository (UMPIR)**

Setelah dilancarkan pada 23 Disember 2010, Perpustakaan telah melipatgandakan usaha menghimpunkan koleksi ilmiah dan penyelidikan universiti dalam bentuk digital. Pada tahun 2011, sebanyak 61 artikel dari jurnal dan 209 kertas persidangan telah dimasukkan. Di samping itu juga, Unit Pengurusan Ilmu turut mempromosikan UMPIR di *e-Community* bagi menggalakkan staf menghantar bahan ke UMPIR.

► **Hari Bertemu Pelanggan**

Pada tahun ini buat julung kalinya perpustakaan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan bagi mengeratkan lagi hubungan antara warga perpustakaan dan para pengguna. Program Hari Bertemu Pelanggan ini telah diadakan bersempena dengan Sambutan Bulan Membaca Kebangsaan Peringkat Perpustakaan UMP yang dijalankan pada 28 September 2011 di Lobi Perpustakaan dan Sempena Hari Inovasi UMP 2011 di Astaka pada 14 hingga 15 Disember 2011.

► **Khidmat Komuniti**

Perpustakaan UMP juga tidak lupa menabur bakti kepada komuniti setempat. Pada 27 Disember 2011, Pustakawan Bahagian Perkhidmatan telah dihantar bagi mengadakan kursus separuh hari kepada 15 orang pengawas perpustakaan Sekolah Menengah Sungai Isap Murni, Kuantan. Dalam kursus ini, para pengawas perpustakaan diajar cara menguruskan perpustakaan dan diperkenalkan asas pengelasan bahan perpustakaan. Kursus sebegini diadakan mulai tahun 2010 dan merupakan khidmat yang berterusan setiap tahun.

► **Kelas Kemahiran Maklumat**


Sepanjang tahun 2011, sebanyak 32 Bengkel Kemahiran Maklumat telah dijalankan. Majoriti peserta terdiri dari para pelajar tahun 1 dan 2. Dalam bengkel ini pelajar diajar cara pencarian bahan dan maklumat dengan lebih efisien. Pencarian melalui i-portal, EZ-Proxy, E-Exam dan UMPIR diberi penekanan utama.

► **Pembangunan Staf**

Bagi memantapkan lagi urusan pentadbiran, perpustakaan telah mendapatkan seorang staf kontrak sebagai Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 dan ditempatkan di Bahagian Pentadbiran Perpustakaan. Pertambahan staf sehingga penghujung tahun 2011 telah menjadikan keseluruhan kakitangan yang bertugas di perpustakaan seramai 49 orang. Pelbagai latihan dan kursus sama ada dalaman atau luaran telah diadakan di dalam usaha meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan semua staf di semua peringkat.

## Pengumpulan Data di Bahagian Perkhidmatan Pengguna

Carta 33: Statistik Kehadiran Pengguna ke Perpustakaan Gambang Tahun 2011




Nota: Pada November dan Disember 2011, statistik tidak dapat direkod kerana kerja-kerja penambahbaikan pada 'barrier gate'.


Jadual 40: Statistik Pinjaman Bahan di Perpustakaan UMP Gambang Tahun 2011

BULAN KATEGORI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Akademik	64	442	435	321	344	393	354	587	463	449	398	272
Bukan Akademik	208	228	247	200	187	178	121	140	139	139	332	175
Diploma & Ijazah Pertama	3045	2099	2741	1770	392	572	430	99	2531	3851	2782	2617
Pascasiswazah	228	279	256	248	255	272	283	189	195	244	282	277
Publik	0	0	0	9	3	9	3	6	3	2	6	2

Carta 34: Statistik Peminjaman Bahan Mengikut Kategori Pengguna Bagi Tahun 2011



Carta 35: Peratusan Hasil Kutipan di Kaunter Perkhidmatan Bagi Tahun 2011



### Statistik Kutipan Hasil di Kaunter Perkhidmatan

Kutipan hasil yang dimaksudkan adalah terdiri daripada:


- ▶ Denda lewat pemulangan bahan;
- ▶ Bayaran balik buku hilang; dan
- ▶ Fotokopi.

Jadual 41: Kutipan Hasil di Kaunter Perkhidmatan Perpustakaan Tahun 2011

JENIS KUTIPAN/ BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Denda dan Buku Hilang	1,338.09	673.90	1,212.00	1,518.00	918.30	1,093.40	526.20	870.65	1,507.73	1,022.80	978.80	812.60
Fotokopi (Id) 1&2	220.00	170.00	75.00	400.00	120.00	25.00	55.00	0.00	510.00	275.00	155.00	380.00
Fotokopi 3	5.50	12.60	7.60	25.40	3.30	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	50.60	28.80
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,563.59</b>	<b>856.50</b>	<b>1,294.60</b>	<b>1,943.40</b>	<b>1,041.60</b>	<b>1,118.4</b>	<b>581.20</b>	<b>870.65</b>	<b>2,017.73</b>	<b>1,297.80</b>	<b>1,184.4</b>	<b>1,221.40</b>

Bilik perbincangan yang ada di bangunan Perpustakaan Gambang sebanyak lima unit yang mampu menampung sekitar 48 pengguna dalam satu masa. Di musim peperiksaan, ia tidak mencukupi dan pihak perpustakaan telah menambah ruangan perbincangan di Ruang Bacaan Pengguna bagi menampung keperluan para pelajar.

Carta 36: Jumlah Penggunaan Bahan di Perpustakaan Pekan Tahun 2011



### Lawatan

Pihak perpustakaan sentiasa membuka ruang kepada mana-mana jabatan atau institusi untuk mengadakan lawatan ke perpustakaan. Melalui lawatan dan komen yang diberikan, pihak perpustakaan berharap agar jabatan ini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna-penggunanya. Pelawat-

pelawat digalakkan berkongsi ilmu atau sekadar untuk mempelajari ilmu dan pengalaman dari pegawai-pegawai di perpustakaan. Biasanya dalam hal ini, pelawat akan diberikan pengisian tentang pengurusan perpustakaan dari segi staf, perkhidmatan, koleksi dan bajet.

Atas dasar keterbukaan perpustakaan ini, maka ianya kerap menerima kunjungan institusi pengajian tinggi dan sekolah-

sekolah yang berhasrat mempelajari sesuatu dari pihak perpustakaan ataupun untuk mendedahkan para pelajar kepada suasana perpustakaan yang lebih besar dan lengkap dari perpustakaan institusi atau sekolah mereka.

Pada tahun 2011, perpustakaan telah menerima 13 kali lawatan dari institusi, jabatan dan sekolah-sekolah dari beberapa negeri.

---

## PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS



## PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS

### Lawatan KDYTM Tuanku Canselor ke UMP Pekan

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tuanku Canselor Tengku Abdullah Al- Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah otelah mengadakan lawatan rasmi ke UMP Pekan bagi meninjau perkembangan projek pembangunan di UMP Kampus Pekan yang giat dijalankan.



Ketibaan Tuanku Canselor disambut oleh YH Dato' Pengerusi LPU UMP dan YH Dato' Naib Canselor



Tuanku Canselor telah menanam sebatang pokok sebagai tanda kenangan



Tuanku Canselor sedang mendengar taklimat mengenai perkembangan projek pembangunan di UMP Pekan



Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal memberi penerangan mengenai projek penyelidikan kepada Tuanku Canselor



### Lawatan TKSU KPT ke Projek Pembangunan UMP Pekan

Yang Hormat Datin Sri Dato' Rohani Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPT merangkap Ahli Lembaga Pengarah UMP telah mengadakan lawatan ke projek pembangunan Kampus UMP Pekan.

Objektif utama lawatan tersebut adalah untuk mengetahui perkembangan projek pembangunan Kampus Pekan. TKSU telah dibawa melawat beberapa projek pembangunan seperti Pusat Pelajar UMP Pekan dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.



Ketibaan TKSU Pembangunan KPT disambut oleh Pengarah Kerja JPPH



Pengarah Kerja sedang memberi penerangan mengenai perkembangan projek pembangunan di UMP Pekan



TKSU dibawa melihat ruang aktiviti pelajar yang masih dalam pembinaan



Pihak Kontraktor dan Perunding Arkitek sedang memberi taklimat ringkas mengenai perkembangan projek



TKSU dibawa melihat sekitar Pusat Pelajar UMP Pekan Pekan



### Pengubahsuaian Masjid UMP Kampus Gambang

Kos keseluruhan pengubahsuaian Masjid UMP Kampus Gambang adalah sebanyak RM2,788,800.00. Masjid tersebut mengandungi satu blok masjid, satu bilik Imam, satu bilik tetamu, satu perpustakaan mini dan sebuah bilik mesyuarat.

Keluasan lantai masjid tersebut adalah 2,417 meter persegi.



Masjid UMP Kampus Gambang yang telah diubahsuai



Reka bentuk menara Masjid UMP Kampus Gambang



Ruang solat wanita di aras atas



Ruang solat lelaki di aras bawah



Pintu masuk utama Masjid UMP Kampus Gambang

## PEMBANGUNAN KAMPUS UMP PEKAN

### Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Bangunan FKP telah siap pada Januari 2012. Bangunan tersebut mengandungi sebuah blok pentadbiran, dua buah blok bilik pensyarah, sebuah blok dewan kuliah dan bilik kuliah, dua buah blok makmal dan sebuah kafetaria. Keluasan lantai bangunan tersebut adalah 15,074 meter persegi.



### Pusat Pelajar UMP Pekan dan Asrama

Bangunan asrama telah mula didiami pada 4 September 2011 manakala Pusat Pelajar dijangka siap pada 12 Januari 2012. Bangunan asrama merangkumi enam blok bagi menampung seramai 1,400 orang pelajar. Bangunan Pusat Pelajar pula mengandungi kafeteria, pejabat asrama, bilik aktiviti pelajar, bilik komputer dan surau. Keluasan lantai keseluruhan adalah sebanyak 32,528 meter persegi.





---

# PEMBANGUNAN DAN AKTIVITI PELAJAR



## PEMBANGUNAN DAN AKTIVITI PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD) diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal kebajikan dan pembangunan pelajar di UMP. Jabatan ini sentiasa berusaha untuk menyumbang ke arah mewujudkan pengalaman kampus menyeluruh kepada pelajar melalui penyediaan dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkualiti selaras dengan visi dan misi universiti.

### Perumahan dan Kemudahan Fizikal

Kemudahan fizikal dan perkhidmatan kebajikan pelajar yang disediakan di UMP sentiasa diberikan keutamaan oleh SaffAD. Pelbagai usaha dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan

kemudahan yang disediakan dapat memberikan keselesaan kepada para pelajar dan menyumbang ke arah mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan lestari. Pada tahun 2011, beberapa projek penambahbaikan kemudahan fizikal telah dilaksanakan di kolej-kolej kediaman seperti berikut:

- Menyediakan mini gimnasium untuk pelajar lelaki dan wanita;
- Menaik taraf bilik-bilik bacaan;
- Menaik taraf bilik aktiviti pelajar atau bilik Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA);
- Menyediakan Bilik Rehat atau *Student Lounge*;
- Menaik taraf surau wanita;
- Menyediakan taman rekreasi atau *Student Park*; dan
- Mengecat semula bangunan kolej kediaman.



Kemudahan pelajar yang melalui proses penambahbaikan di Kampus Gambang.

### Penambahan Kapasiti Asrama di Kampus Pekan

Kemudahan perumahan pelajar di Kampus Pekan turut mengalami peningkatan yang ketara dengan siapnya fasa kedua pembangunan Kolej Kediaman Ke-5 dan tambahan enam blok asrama berkapasiti 1,400 pelajar menjadikan jumlah keseluruhan kapasiti asrama di Kampus Pekan kepada 2,048 orang pelajar. Kolej Kediaman Pelajar Ke-5 kini dihuni oleh para pelajar dari tiga fakulti yang beroperasi di Kampus Pekan iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Walau bagaimanapun, penambahan kapasiti ini masih belum mencukupi untuk menampung keseluruhan pelajar di Kampus Pekan.

Bagi menangani masalah kekurangan tempat penginapan bagi pelajar di Kampus Pekan, pihak universiti telah mengambil inisiatif untuk mencari premis-premis yang sesuai dan berdekatan dengan Kampus Pekan bagi dijadikan asrama. Hasilnya, Bazar Muhibbah di Bandar Diraja Pekan telah disewa untuk dijadikan sebagai asrama pelajar. Premis ini dinamakan sebagai UMP@City berupaya menampung seramai 200 orang pelajar. UMP@City adalah di bawah seliaan dan pentadbiran Kolej Ke-5 walaupun lokasinya terletak di luar Kampus Pekan.

Kini, terdapat lima kolej kediaman di dalam kampus dan satu kolej di luar kampus dengan jumlah kapasiti 7,861 orang berbanding 6,239 orang pada tahun sebelumnya.



## Perkhidmatan Kebajikan dan Pembiayaan

Di samping menguruskan penajaan pelajar UMP, jabatan ini juga menyediakan beberapa skim bantuan kebajikan kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan seperti Pinjaman Tabung Jangka Pendek, Skim Khairat Kematian, Skim Pelajar Bekerja, Bantuan Tabung Amanah Zakat, Tabung Amanah Kebajikan dan perlindungan insurans.

Sebanyak RM 121,000 wang bantuan zakat yang diterima daripada pelbagai pihak telah diagihkan kepada seramai 290 pelajar yang layak bagi tahun 2011. Manakala sejumlah RM 7,839 pula telah disalurkan kepada 22 orang pelajar melalui Skim Khairat kematian. Seramai 106 orang pelajar telah memperoleh bantuan kewangan melalui Skim Pinjaman Jangka Pendek melibatkan sejumlah RM47,500. Selain itu, beberapa pelajar yang telah ditimpa musibah seperti banjir, juga diberikan bantuan RM 1,000 seorang bagi meringankan bebanan melalui Tabung Amanah Kebajikan (Skim Bencana Alam/Musibah). Sumbangan juga telah disampaikan kepada waris pelajar yang meninggal dunia dan kepada pelajar yang mengalami kecederaan kerana terlibat dalam kemalangan.

Sepanjang tahun 2011 juga, SAffAD telah membelanjakan sejumlah RM115,000 bagi membantu meringankan beban kewangan di mana sejumlah 197 orang pelajar yang menghadapi masalah kewangan telah diberi bantuan melalui Skim Pelajar Bekerja.

## PEMBANGUNAN PELAJAR

### Pencapaian di Peringkat Antarabangsa

Penyertaan kali pertama beberapa orang pelajar UMP di pameran reka cipta peringkat antarabangsa telah membuahkan hasil yang amat membanggakan. Kesemua empat projek yang dipertandingkan di *36th International Invention Show (INOVA 2011)* Zagreb, Croatia pada bulan November 2011 telah berjaya meraih anugerah. Pameran penyelidikan dan reka cipta yang melibatkan 134 projek dari 22 negara itu telah menyaksikan UMP merangkul dua pingat emas, dua perak dan dua anugerah khas.



*Wajah kegembiraan terpancar kepada peserta/penyelidik yang berjaya merangkul kejayaan*

Jadual 42: Pencapaian Pertandingan Keusahawanan Sepanjang Tahun 2011

BIL.	TARIKH	TEMPAT	PERTANDINGAN	ANJURAN	PENCAPAIAN
1.	10 hingga 11 November 2011	UUM	Cabaran Catur Bestari KFC Terbuka IPT	Johor Corporation, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-universiti Malaysia (MAKMUM)	Johan dan Tempat Kategori Kumpulan Nilai Aset Tertinggi (Peringkat Kebangsaan)
2.	6 hingga 14 Ogos 2011	UTM	Youth Challenges 2011	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor	Johan Keseluruhan (Peringkat IPTA)



## KAUNSELING DAN KERJAYA

### Program Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UMP 2011

Bagi membantu pelajar mempersiapkan diri untuk menempuh alam pekerjaan, Bahagian Kaunseling dan Kerjaya dengan kerjasama Pusat Keusahawanan, UMP telah menganjurkan Karnival Kerjaya & Keusahawanan 2011. Program yang berlangsung selama tiga hari dari 14 hingga 16 Oktober 2011 itu telah berjaya mengumpulkan sejumlah besar wakil-wakil industri dan majikan dari pelbagai bidang untuk menyampaikan maklumat mengenai peluang-peluang kerjaya kepada bukan sahaja pelajar UMP tetapi juga masyarakat awam di negeri Pahang.



### Minggu Induksi Siswa (Minds 2011) Melibatkan Seramai 2514 Pelajar Baharu

Pendaftaran pelajar baharu telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2011. Pendaftaran pelajar baharu bagi program-program Diploma telah berlangsung pada 1 Jun 2011 manakala pendaftaran pelajar baharu bagi program-program Ijazah Sarjana Muda

pula berlangsung pada 4 September 2011. Pendaftaran bagi pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda telah diadakan secara serentak di kampus Gambang dan Kampus Pekan. Seramai 502 pelajar baharu pengajian Diploma dan 2012 pengajian Ijazah Sarjana Muda telah mendaftar pada tahun 2011. Minggu Induksi Siswa (MINDS) 2011 diadakan serentak di kedua-dua kampus bermula pada 5 hingga 10 September 2011 dengan penglibatan seramai 149 orang pelajar kanan yang dipilih sebagai fasilitator bagi melaksanakan program ini. Program MINDS diadakan bagi mendedahkan kepada para pelajar mengenai keseluruhan aspek kehidupan kampus yang akan mereka tempuhi sepanjang pengajian mereka di UMP.

### Aktiviti Pelajar

Para pelajar UMP amat digalakkan untuk melibatkan diri dalam pelbagai program dan aktiviti pelajar yang dianjurkan oleh kelab-kelab dan persatuan pelajar. Antara aktiviti yang memberi peluang kepada para pelajar untuk mendekati dan menyumbang bakti kepada masyarakat setempat ialah program-program khidmat komuniti yang dianjurkan secara kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO. Pada tahun 2011, beberapa program khidmat komuniti yang berimpak besar telah dilaksanakan.



### Program Jelajah Masyarakat Pribumi Malaysia (PriMa)

Program Khidmat Masyarakat yang dijalankan oleh PEKA Kolej Kediaman KK3 ini telah melibatkan seramai 45 orang pelajar yang terdiri daripada Exco PEKA 3 dan Sekretariat Khidmat Komuniti PEKA 3, pelajar UMP serta penduduk di Perkampungan Orang Asli Kampung Paya Rekoh dan Kampung Berdut, Temerloh Pahang pada 2 hingga 4 Disember 2011. Program ini dijalankan selaras dengan hasrat universiti dalam mewujudkan pendidikan yang seimbang dan menyeluruh dalam melahirkan siswazah yang lebih matang. Program ini dimeriahkan dengan beberapa aktiviti yang melibatkan para peserta dan penduduk perkampungan tersebut. Antaranya ialah aktiviti gotong-royong, ceramah dari Jabatan Pertanian Daerah Temerloh, sukaneka, malam kebudayaan dan aktiviti ziarah dari rumah ke rumah yang melibatkan kedua-dua perkampungan tersebut. Program ini telah mendapat tajaan sepenuhnya dari Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).



*Persiapan tempat tidur lelaki di dalam khemah*



*Kemas barang sumbangan untuk diagihkan kepada penduduk kampung*



*Gotong-royong membersihkan kawasan sekeliling*

### Program Mesra 1 Malaysia Kembara Hati Siswa SeMAMPAN Bersama Orang Asli Kali Ke-2

Sekretariat Mahasiswa Anak Pahang UMP (SeMAMPAN) telah menganjurkan program Mesra 1 Malaysia Kembara Hati Siswa di Perkampungan Orang Asli, Pos Titom, Kuala Lipis Pahang pada 20 hingga 25 Julai 2011. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini adalah ceramah keselamatan dan perpaduan, lawatan para peserta ke rumah penduduk kampung, pertandingan mewarna, sukaneka, tayangan filem, andaman, menyelami kehidupan penduduk kampung, membuat bunga manik, motivasi, aktiviti mural dan lukisan dinding Sekolah Kebangsaan Titom. Beberapa peserta pula menjalankan kerja-kerja membuat sistem pengairan tanaman. Mereka menyediakan batas dan menanam pokok lada dan menunjukkan kepada ketua kampung dan penduduk setempat cara-cara menggunakan sistem pengairan ini. Program yang mendapat sokongan dan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang, agensi-agensi kerajaan setempat dan Yayasan Pahang ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Wan Rosdi Wan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang.



*Sesi bersama penduduk*



*Sistem pengairan tanaman*



*Motivasi di sekolah*

### Ekpedisi Berakit Sungai Perak (EBSP 2011) Piala Amanjaya

UMP telah menghantar tiga pasukan bagi menyertai Ekspedisi Berakit Sungai Perak 2011 yang dianjurkan oleh USM Kampus Kejuruteraan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak pada 25 hingga 30 November 2011. Tiga pasukan tersebut iaitu SUKSIS, Shark Alfa & Shark Bravo. Para peserta membina rakit masing-masing dengan bahan-bahan asas yang disediakan oleh penganjur seperti buluh, tiub, tali dan sebagainya. Majlis Perasmian disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Hamidah Osman, Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Negeri Perak. Sebanyak 29 rakit terlibat dengan ekspedisi ini yang terdiri dari Jabatan Kerajaan/ NGO, IPTA/IPTS dan Badan-badan/Persatuan. Ekspedisi yang



memakan masa selama empat hari ini berhenti dan bermalam di beberapa *check point* iaitu Pekan Manong, Pusat Penternakan & Pemuliharaan Tuntung Bota dan Pasir Salak Resort, Kampung Gajah. Majlis Penutup dijalankan pada malam 29 November 2011 di Pasir Salak Resort.

### Bengkel Pengurusan Persatuan Pelajar

Bagi memantapkan lagi semangat berpasukan di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar dan Badan-badan Pelajar, sebuah program latihan yang dikenali sebagai *Student Society Management & Team Building (SMTB) Workshop* telah dijalankan pada 1 hingga 3 April 2011 bertempat di Janda Baik, Bentong, Pahang. Seramai 149 orang pemimpin pelajar telah terlibat di dalam program ini. Para peserta turut didedahkan kepada kemahiran kepimpinan, menguruskan persatuan dan kerja berpasukan. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang meluangkan masa beramah mesra dengan peserta pada majlis penutup program.





## Pengucapan Awam

Pasukan Debat UMP menutup tahun 2011 dengan pencapaian cemerlang apabila menjadi Johan Pertandingan Debat Perdana Gender 2011 yang diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 9 hingga 13 November 2011.

Mengetengahkan isu-isu berkaitan wanita dan memberi kesedaran serta pemahaman kepada pelajar IPT dalam isu-isu dan hak-hak berkaitan wanita, pasukan Debat UMP yang diwakili oleh Muhammad Qusyairi Hashim, Siti Aisyah Mustapha, Qamaruddin Mohd Fauzi dan Nur Aida Binti Faisal telah membawa pulang wang tunai RM7,000.00, piala pusingan, piala Irian dan hadiah iringan. Lebih membanggakan lagi, Pendejabat UMP, Siti Aisyah Mustapha telah dipilih sebagai Pendejabat Terbaik dan membawa pulang trofi serta wang tunai RM500.00. Terdahulu, pasukan Debat UMP turut menjadi Naib Juara dalam Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin kali ke-11 yang berlangsung di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dungun pada Mei 2011. Pasukan debat UMP juga aktif menyertai pelbagai pertandingan debat di sepanjang tahun 2011 termasuklah Debat Perdana Integriti, Debat Alam Sekitar, Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional dan Debat Piala Perdana Menteri.

## Duta Luar Bandar Gopeng Perak

Lapan orang pelajar UMP telah terpilih menyertai program Rural Ambassadors anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Program ini merupakan satu inisiatif kerajaan di bawah National Blue Ocean Strategi 4 (NBOS 4) untuk meningkatkan taraf hidup dan menjana pendapatan penduduk luar bandar. Para pelajar tersebut telah menjalani satu sesi latihan di AKEPT Negeri Sembilan pada 11 hingga 13 November 2011 bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang kepimpinan dan membentuk

jati diri peserta agar dapat berkhidmat dengan baik sebagai 'Rural Ambassadors' dalam projek RTP (*Rural Transformation Program*) di Gopeng, Perak.

## Alumni

### Program 'Sharing Moment'

Satu program Perkongsian Pengalaman Alumni bersama para pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) telah diadakan pada 19 Februari 2011. Program yang dianjurkan oleh JK Alumni Bahagian FKKSA dengan kerjasama SAFFAD ini telah memberi peluang kepada seramai 12 orang alumni untuk berkongsi pengalaman mereka di dalam program tersebut. Program ini adalah program pertama yang dijalankan oleh Alumni Bahagian FKKSA setelah tiga bulan ia dilancarkan. Program ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama adalah perkongsian pengalaman semasa mereka belajar di UMP dan sesi kedua pula adalah lebih menjurus kepada dunia pekerjaan mereka. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari bersama Yang Hormat Naib Canselor yang sangat menghargai kehadiran para alumni dan berharap agar mereka dapat memberikan kerjasama demi kebaikan kepada kedua-dua belah pihak.

### Makan Malam Graduan 2011

Majlis Makan Malam Graduan bersempena dengan Majlis Konvokesyen Ke-6 UMP telah diadakan pada 30 September 2011 di Hotel Zenith, Kuantan. Majlis tahunan yang bertujuan meraikan para graduan baharu UMP ini telah dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan oleh pelajar UMP dan artis jemputan. Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan pegawai-pegawai kanan universiti. Pada majlis tersebut juga,

buat julung kalinya telah diperkenalkan Hadiah Sanjungan kepada graduan yang telah menyumbang bakti dengan cemerlang dalam penganjuran aktiviti pelajar. Seramai tujuh orang alumni UMP telah dipilih untuk menerima Hadiah Sanjungan pada majlis tersebut. Mereka terdiri daripada Mohd Norfarhan Mohd Mustafa (FKEE) bagi kategori Kepimpinan, Nuraini Mohd Yusoff (FKKSA) kategori Daya Usaha dan Inovasi, Zarul Shazwan Zullkafli (FKM) kategori Sukan & Rekreasi, Ainul Nadirah Izaharuddin (FKKSA) kategori Kesenian dan Kebudayaan, Law Kok Sin (FKEE) -kategori Kemasyarakatan dan Kesukarelawan, Mohamad Jumain Mapplati (FKASA) kategori Pengucapan Awam dan Muhamad Nur Zakwan Zainal (FKEE) kategori Keusahawanan. Pada majlis tersebut juga, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah melancarkan Tabung Amanah Alumni Prihatin yang bertujuan mengumpul dana daripada Alumni dan syarikat-syarikat yang berhasrat untuk bersama-sama menyumbang kepada pembangunan UMP.

### Pelancaran Alumni Bahagian Borneo

Majlis Pelancaran Alumni Bahagian Borneo (*Borneo Chapter*) telah diadakan pada 10 Disember 2011 di Mega Hotel Miri, Sarawak. Seramai 30 orang alumni UMP berasal dan bekerja dari serata tempat di Sarawak seperti di Kuching, Bintulu, Mukah dan Miri telah hadir ke majlis ini. Mereka terdiri daripada golongan profesional yang bekerja dengan syarikat-syarikat tempatan dan multinasional yang beroperasi di Sabah dan Sarawak. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin. Turut hadir Presiden Persatuan Alumni UMP yang juga merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Tuan Syed Mohammad Hamzah Al-Junid.

## Kebolehpasaran Graduan

Jadual 43: Pencapaian Graduan Konvokesyen Ke-6 (2011) – Sarjana Muda

BIL.	FAKULTI	JUMLAH BEKERJA	JUMLAH GRADUAN	PERATUS (%)
1.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Ali (FKKSA)	144	194	74.23
2.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	104	136	76.47
3.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	125	158	79.11
4.	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	87	95	91.58
5.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	139	193	72.02
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>600</b>	<b>776</b>	<b>77.32</b>

*\* (berdasarkan graduan yang mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan Online dan susulan bagi graduan yang tidak bekerja)*

Jadual 44: Pencapaian Graduan Konvokesyen Ke-6 (2011) – Diploma

BIL.	FAKULTI	JUMLAH BEKERJA	JUMLAH GRADUAN	PERATUS (%)
1.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Ali (FKKSA)	26	28	93
2.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	33	35	94
3.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	39	54	72
4.	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	34	38	89
5.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	17	27	63
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>149</b>	<b>182</b>	<b>82</b>

*\* (berdasarkan graduan yang mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan Online dan susulan bagi graduan yang tidak bekerja)*

## SUKAN DAN REKREASI

### UMP Jayakan Penganjur Bola Keranjang 3 on 3 IPT 2011

Karnival Bola Keranjang 3 on 3 Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia telah berlangsung dengan jayanya pada 13 hingga 16 Oktober 2011 bertempat di Kompleks Sukan, UMP. Karnival ini melibatkan dua kategori iaitu Kategori IPT Lelaki dan Wanita. Kejohanan kali ini menyaksikan sebanyak 103 pasukan daripada 29 IPT seluruh Malaysia menyertai karnival ini. UMP selaku Pusat Sukan Tumpuan Bola Keranjang akan menjadikan karnival ini sebagai platform untuk mencungkil bakat baharu dan melahirkan lebih ramai atlet di kalangan pelajar IPT bagi mewakili negara dalam sukan bola keranjang. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.



### UMP Juara Kejohanan Sukan MTUN 2011

Pasukan UMP muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Antara Universiti-universiti Teknikal (MTUN) Kali ke-4 yang berlangsung selama empat hari bermula 16 hingga 18 Disember 2011 bertempat di Dewan Kompleks Sukan UMP.

Kejohanan ini menyaksikan empat buah universiti teknikal di Malaysia terdiri daripada UMP, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang merupakan jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) berentap dalam 10 acara sukan yang dipertandingkan, antaranya sukan Bola Tampar (lelaki/wanita), Sepak Takraw (regu staf/pelajar/pasukan), Futsal (staf/pelajar), Bola Keranjang dan Bola Jaring (staf/pelajar).

Majlis perasmian, penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Dr. Saharudin Haji Ismail yang mengharapkan Kejohanan MTUN ini berupaya menjadi pemangkin dalam membina semangat kerjasama dan setiakawan di antara pasukan yang bertanding. Menurut beliau, "MTUN merupakan antara platform bagi mengetengahkan bakat atlet universiti di negara ini dan memberi peluang untuk komuniti universiti bersaing secara sihat, belajar dan mengenali di antara satu sama lain dengan lebih baik."



### Anugerah Sukan UMP 2011

UMP telah menganjurkan Anugerah Sukan UMP 2011 di Hotel Vistana, Kuantan pada 30 Mac 2011. Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada para atlet sukan UMP yang telah mengharumkan nama UMP sama ada di arena kebangsaan mahupun antarabangsa. Bagi tahun ini, Anugerah Olahragawan telah disandang oleh Ahmad Saifuddin Jamaluddin dan Anugerah Olahragawati pula disandang oleh Ayesha Darawin. Manakala Olahragawan Harapan pula dimenangi oleh Maniyarasan A/L Sabapathy, manakala Olahragawati Harapan pula disandang oleh Darnie Awang Mohddar. Pasukan Kayak pula turut diumumkan sebagai pasukan terbaik bagi tahun 2011.



---

# TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI





## TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

### Perkongsian Ilmu Pengetahuan dan Penjanaaan Pendapatan Melalui Penubuhan ICT Business Centre

ICT Business Centre telah ditubuhkan pada 12 Julai 2011 dengan memfokuskan kepada pembangunan sistem aplikasi, konsultasi dan perkhidmatan ICT menerusi integrasi sistem, proses perekruteraan, latihan dan sokongan aplikasi pengguna melalui teknologi ICT kepada semua institusi pengajian tinggi awam, swasta, jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan semua lapisan masyarakat. Dengan perkembangan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin pesat dalam agensi awam dan swasta, perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat telah diperluas mengikut keperluan semasa dan permintaan pasaran. ICT Business Centre juga berhasrat menjadi salah sebuah syarikat terunggul dalam pembangunan produk yang berinovasi serta perkhidmatan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi serta berdaya saing kepada badan kerajaan, swasta dan semua lapisan masyarakat khususnya.

Penubuhan ICT Business Centre ini juga dilihat bertepatan dengan hasrat universiti bagi kelestarian kewangan dan pembangunan sosioekonomi yang telah ditetapkan oleh pengurusan universiti sebagai antara dua daripada empat bidang keberhasilan yang perlu dicapai. Ini kerana penubuhan ICT Business Centre juga memfokuskan kepada pengkomersialan produk dan perkhidmatan semua sumber yang ada bagi penjanaaan pendapatan serta

perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat bagi masyarakat setempat.

Berikut adalah fungsi yang dimainkan oleh ICT Business Centre:

- ▶ Merancang Pelan Perancangan Strategik Perniagaan (*Strategic Plan for Business*)
  - ▶ Mewujudkan dan menyelaras tenaga kerja Business Unit
- Memberi perkhidmatan yang berkaitan dengan ICT seperti:
- *Integrated Education Management System (IEMS)*
  - *Integrated Knowledge Management System (IKMS)*
  - *ICT Project Management and Consultation*
  - *ICT Strategic Planning*
  - *ICT Human Resource Training*
  - *Networking and Server Management Design and Consultation*
  - *Integrated Database Design*
  - *Software Testing*


Dengan pengalaman dan kepakaran staf yang ada, ICT Business Centre menawarkan khidmat konsultasi dan produk ICT, perkhidmatan reka bentuk, pengekodan, integrasi sistem, pembudayaan, perancangan ICT, latihan kepakaran dan program khidmat nasihat ICT. Perkhidmatan ini turut diperluas kepada organisasi luar melibatkan IPT, pusat latihan dan agensi kerajaan dalam menjayakan konsep 'outsourcing' yang diperkenalkan kerajaan.

Usaha berterusan yang dimainkan oleh pengurusan ICT Business Centre telah membuahkan hasil apabila berjaya mendapat kepercayaan syarikat-syarikat luar bagi menjalinkan kerjasama. Berikut adalah senarai pembangunan projek yang dijalankan oleh ICT Business Centre bermula September hingga Disember 2011.

Jadual 45: Senarai Pembangunan Projek ICT Business Centre Bagi Tahun 2011

BIL.	TAJUK PROJEK
1.	Projek Pembangunan Bagi Sistem Pendaftaran Terbuka bagi Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, UMP
2.	Projek Pembangunan Bagi Sistem e-Clinic, Pusat Kesihatan Pelajar, UMP
3.	Projek Pembangunan Portal Jabatan Bagi Fakulti Pengurusan Teknologi, UMP
4.	Projek Pembangunan Portal Perpustakaan Awam Negeri Pahang dengan Kerjasama Syarikat Alias Builders
5.	Projek Pembekalan Laptop dan Server PPS
6.	Projek Pembekalan <i>Software</i> Bahagian Pengurusan Akademik, UMP
7.	Projek Pembekalan <i>Desktop</i> dan Peralatan ICT Pusat Kesihatan Pelajar, UMP
8.	Projek Pembekalan <i>Notebook</i> Pusat Pengajian Siswazah, UMP
9.	Projek Penganjuran Kursus JOOMLA kepada Staf Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, UMP
10.	Projek Pembekalan Barangan <i>Software</i> & <i>Hardware</i> Pusat Pengajian Siswazah, UMP
11.	Projek Pembangunan Sistem Pemantauan Rangkaian ( <i>backbone</i> )
12.	Projek Pembangunan Sistem Web Billing dengan Kerjasama Syarikat Arena Hakikat

## BUSINESS MODEL – MERGING UNIVERSITY-INDUSTRY STRENGTHS



www.ump.edu.my

Model Perniagaan ICT Business Centre

### Laman Web UMP Diiktiraf Lima Bintang

Kejayaan terus dicipta apabila laman web rasmi UMP juga diiktiraf lima bintang sekaligus meraih tempat ketiga laman web terbaik bagi kategori Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Pengiktirafan ini mengambil kira penilaian yang dijalankan pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec) pada setiap tahun dengan menepati kriteria yang ditetapkan dalam Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia 2011 (MGPWA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



---

# PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI



## PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI



### Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

PSPTN dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh empat fasa pelaksanaan:

Fasa 1: Peletakan Asas (2007–2010)

Fasa 2: Peningkatan dan Pemerkasaan (2011–2015)

Fasa 3: Kecemerlangan (2016–2020)

Fasa 4: Kegemilangan dan Kelestarian (melangkaui 2020)

Pelaksanaan PSPTN pada Fasa 1 adalah berpandukan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2010 yang telah menggariskan strategi dan pelan tindakan bertujuan untuk meningkatkan dan menambah baik sistem pengajian tinggi negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Manakala PSPTN Fasa 2 pula telah digarap hasil daripada perbincangan dan perundingan setiap pasukan projek CAP yang telah dilantik, dengan pihak institusi awam, politeknik dan kolej komuniti.

Pelaksanaan PSPTN di peringkat UMP pula adalah berpandukan 12 Projek Agenda Kritikal (*Critical Agenda Project – CAPs*) yang dipantau secara berterusan oleh Pejabat Pengurusan Program (iPMO) iaitu Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) menerusi sistem PSPTN.net PMO dan Executive Dashboard UMP.

Jadual 46: Pencapaian UMP dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara tahun 2011

PROJEK AGENDA KRITIKAL	KPI	SASARAN 2011	PENCAPAIAN 2011	PETUNJUK
ACADEMIA	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan.	10	110	
	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	70	69	
	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.	22	28	
	Bilangan ahli akademik yang menerima jemputan dan hadir untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	2	2	
	Bilangan ahli akademik yang menerima jemputan dan hadir untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	3	3	
eLEARNING	Bilangan kurikulum kursus IPTA dalam Mod Blended Learning.	180	193	

CAP	KPI	SASARAN 2011	PENCAPAIAN 2011	PETUNJUK
ENTERPRENUERSHIP	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas bergraduasi.	6	6	
GRADUATE EMPLOYABILITY	Bilangan graduan yang bekerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.	910	550	
LIFE LONG LEARNING	Jumlah enrolmen bagi program HEI LLL (IPTA).	2200	2586	
HOLISTIC STUDENT DEVELOPMENT	Bilangan program pengajian akademik (Ijazah Sarjana Muda) yang melaksanakan kursus kokurikulum berkredit.	28	24	
INDUSTRY AND ACADEMIA	Jumlah pendapatan yang diperolehi dibahagikan dengan bajet operasi (%).	14	13	
LEADERSHIP	Bilangan staf akademik di IPT yang telah melalui keperluan latihan kepimpinan.	162	162	
	Bilangan staf bukan akademik di IPT yang telah melalui keperluan latihan kepimpinan.	453	453	

CAP	KPI	SASARAN 2011	PENCAPAIAN 2011	PETUNJUK
INTERNATIONALIZATION	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA.	55	61	
	Jumlah pelajar antarabangsa.	190	194	
TEACHING AND LEARNING	Bilangan pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah SCL.	349	349	
	Bilangan program yang mendapat pengiktirafan badan profesional antarabangsa.	0	0	
MYBRAN15	Bilangan pelajar Ph.D yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA.	2	10	
	Bilangan pensyarah berkeelayakan Ph.D dan setaraf.	143	148	
	Bilangan pelajar Ph.D warganegara yang digraduasi oleh IPTA.	2	4	
RESEARCH & DEVELOPMENT	Jumlah produk yang dikomersilkan.	1	1	
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT daripada pihak swasta pada tahun semasa.	1,000,000	1,540,000	
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa.	1,000,000	0	
	Jumlah penajaan 1 Januari hingga 31 Disember pada tahun sebelumnya ( <i>preceding year</i> ).	80000	244,380	
	Bilangan faktor impak kumulatif bagi penerbitan dalam jurnal yang diindeks.	40	95	
	Bilangan jurnal IPT tempatan yang diindeks.	0	0	
	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks.	80	166	



## Pelan Strategik UMP 2011-2015

Pelan Strategik UMP kini berada di Fasa Ketiga iaitu "Menjadi Sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama". Dua pendekatan pembaharuan yang terkandung di dalam pelan ini adalah:

### ► Pengenalan UKRA Menggantikan CSF

Pengistilahan semula CSF kepada UKRA adalah kesinambungan daripada aspirasi GTP, NKRA dan MKRA.

### ► Pengukuran Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Pengukuran output berteraskan pencapaian KPI menerapkan empat inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu:

- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) menjadi rujukan utama semua IPTA untuk menjadi universiti berkelas dunia;
- MyMOHES yang menghasilkan data perangkaan KPT;
- SETARA dengan penarafan kesemua IPTA; dan
- MyRA sebagai menilai status penyelidikan IPTA.



Pelan Strategik UMP 2011 – 2015 mengangkat tema Universiti Teknikal Pilihan Utama yang direncana dan diukur dengan mengambil kira pencapaian semasa Universiti ini, semakan semula terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pengajian Tinggi (MKRA).

Jadual 47: Empat Bidang Keberhasilan Utama Universiti dan Lantikan Teraju Utama


BIDANG KEBERHASILAN		INDEKS PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	TERAJU UTAMA
KRA 1	Peningkatan Kualiti Akademik	Pengambilan Pelajar yang Berkualiti Staf yang Kompeten Graduan Berketerampilan	Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz <i>Timbalan Naib Canselor (Akademik &amp; Antarabangsa)</i>
KRA 2	Kelestarian Kewangan	Kelestarian Operasi	Profesor Dato' Dr. Rosli bin Mohd. Yunus <i>Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan &amp; Inovasi)</i>
KRA 3	Pembangunan Sosioekonomi	Pembangunan Modal Insan Profesional Penubuhan Syarikat	Profesor Dr. Yuserrie Zainudin <i>Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &amp; Alumni)</i>
KRA 4	Penjenamaan Untuk Penjajaran Strategik	Kepuasan Staf Ekuiti Jenama	Profesor Dr. Ab. Razak Kamarudin <i>Profesor</i>

## PENCAPAIAN PELAN STRAETGIK UMP 2011

### Kra 1 Peningkatan Kualiti Akademik

Ditakrifkan sebagai pemerkasaan program akademik, prasarana, pengambilan pelajar yang berkualiti dan warga kerja yang kompeten melayakkan UMP untuk diiktiraf sebagai sebuah Universiti Teknologi bertaraf dunia.

Carta 37: Peningkatan Kualiti Akademik




### KRA 2 Kelestarian Kewangan

Ditakrifkan sebagai kemampuan organisasi menguruskan aktiviti pembangunan dan masalah kewangan yang tidak dijangka tanpa perlu melakukan pengubahsuaian yang drastik dalam pengurusan perbelanjaan dan penjaan pendapatan.

Pencapaian adalah 1 peratus beza daripada sasaran disebabkan perubahan semester bagi pengambilan pelajar pada tahun 2011 dari Jun kepada September, yang mana pendapatan daripada yuran pengajian hanya RM10.3 juta, (kutipan satu semester) berbanding sasaran asal RM18 juta (kutipan 2 semester).

Carta 38: Penjaan Pendapatan





### KRA 3 Pembangunan Sosioekonomi

Sumbangan UMP kepada pembangunan sosioekonomi negara ialah dengan melahirkan individu dan profesional yang berketerampilan yang menepati kehendak pasaran dan guna tenaga negara dengan penyediaan prasarana yang kondusif serta capaian perkongsian ilmu dan peluang pembelajaran kepada masyarakat umum.

### KRA 4 Penjenamaan Untuk Penjajaran Strategik

Bidang keberhasilan utama universiti yang keempat ini ditakrifkan sebagai mewujudkan imej UMP yang cemerlang serta memperoleh kepercayaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat tentang kelebihan daya saing UMP.

Carta 39: Pencapaian Pembangunan Sosioekonomi



**AMALAN 5S (PERSEKITARAN  
BERKUALITI)**

UMP telah melaksana dan membudayakan Amalan 5S (QE) secara berterusan dalam memastikan persekitaran UMP menjadi persekitaran berkualiti (QE) melalui penglibatan semua staf termasuklah pengurusan atasan bagi merealisasikan UMP menjadi sebuah kampus yang menitikberatkan budaya dan amalan kerja yang berkualiti.

Amalan 5S bukanlah sekadar amalan sampingan, sebaliknya ia merupakan agenda dan rutin budaya kerjaya berkualiti melalui komitmen produktiviti yang berterusan dengan pengisian pengiktirafan, pensijilan, latihan, dan bengkel. Aktiviti 5S ini adalah selaras dengan hasrat Universiti melalui pembangunan Pelan Strategik 2011-2015 yang mana melalui objektif keempat Universiti menyatakan secara khusus untuk UMP 'Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang'.

Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) dan Jawatankuasa Induk Amalan 5S Universiti telah mewujudkan Buku Panduan Umum Amalan 5S UMP yang pertama bagi membantu dan memastikan PTJ di UMP melaksanakan Amalan 5S mengikut panduan dan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Selain itu, pihak universiti mengiktiraf dan menghargai kesungguhan dan komitmen PTJ dalam melaksana dan membudayakan Amalan 5S melalui pemberian dan penganugerahan sempena Hari Inovasi UMP 2011 antaranya PTJ Terbaik, Juruaudit Dalam Amalan 5S Terbaik dan Pertandingan Poster Terbaik (Individu & Jabatan).

**15 LAYAK PENSIJILAN SEMULA OLEH  
MPC**

- ▶ Pejabat Naib Canselor
- ▶ Unit Audit Dalam
- ▶ Pejabat Pentadbiran Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
- ▶ Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK)
- ▶ Pejabat Pentadbiran Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)
- ▶ Perpustakaan
- ▶ Jabatan Bendahari
- ▶ Jabatan Pendaftar

- ▶ Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA)
- ▶ Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH)
- ▶ Bahagian Keselamatan
- ▶ Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) A3 & TTI
- ▶ Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) dan Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC)
- ▶ Pusat Kesihatan Pelajar
- ▶ Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)



Portal Rasmi Amalan 5S Universiti  
(<http://www.ump.edu.my/amalan5S>)

## Penarafan Data MyMohes

MyMoheS merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh KPT bagi menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian data atau maklumat antara KPT, institusi pengajian tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan lain-lain agensi kerajaan yang memerlukan keseragaman maklumat. Sistem MyMoheS ini membantu universiti dan pihak kementerian dalam menyediakan perancangan, menggubal dasar dan membangunkan sistem pangkalan data tinggi

dengan lebih berkesan.

UMP mencapai lima bintang iaitu dengan markah 97.79 peratus bagi memenuhi kriteria seperti ditetapkan pihak KPT sekaligus meletakkan UMP berada di kedudukan pertama dari keseluruhan IPTA. Penarafan semula yang telah dilaksanakan oleh KPT, melonjakkan pencapaian UMP kepada 100 peratus.

Majlis Apresiasi MyMohes yang diadakan pada 30 Jun 2011 dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Majlis diadakan

bersempena kejayaan UMP memperoleh tempat pertama dengan pencapaian lima bintang dalam penarafan bagi penghantaran data Semester 2 Sesi 2010/2011 melalui sistem Peraturan bagi Penyelenggaraan Data untuk Sistem Maklumat Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan IPTA (MyMoheS). Majlis ini juga bagi menghargai komitmen staf yang berusaha bersungguh-sungguh dalam mencapai kejayaan ini.




## Sistem Executive Dashboard

Sistem ini dibangunkan untuk menguruskan data dan maklumat universiti berdasarkan pengukuran output berteraskan pencapaian KPI yang menerapkan empat inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), *Malaysia Research Assessment Instrument* (MyRA), Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) dan Sistem Pengurusan Data Kementerian Pengajian Tinggi (MyMohes).



Sistem ini berfungsi menyimpan, mengesan, menganalisa dan memaparkan maklumat universiti dalam bentuk graf, statistik dan sebagainya. Ia dibangunkan pada awal tahun 2011 kerana wujudnya keperluan mendapatkan maklumat yang tepat dan cepat daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Sistem ini dapat memastikan data dan maklumat yang dibekalkan oleh IPTA ke KPT sentiasa tepat, terkini, sah dan boleh digunakan bagi tujuan perancangan, penggubalan dasar dan pembangunan pengajian tinggi negara.





---

# PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN FAKULTI





## FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) ditubuhkan pada tahun 2002 dan telah memulakan sesi pengambilan pelajar pertama pada sesi kemasukan 2003/2004. Antara objektif penubuhan FKASA adalah untuk melahirkan dan melatih jurutera profesional dalam bidang kejuruteraan awam serta melaksanakan penyelidikan dalam bidang pembinaan dan pembangunan sumber alam.

Pada masa kini, FKASA menawarkan tiga program akademik di peringkat prasiswazah iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (BAA), Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Persekitaran) (BAE) dan Diploma Kejuruteraan Awam (DAA). Fakulti juga menawarkan program Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam) dan Doktor Falsafah (Kejuruteraan Awam) bagi peringkat pengajian siswazah.

Di samping pengajaran, FKASA juga menyediakan perkhidmatan teknikal dan perundingan kepada pihak industri. CELS (*Civil Engineering Laboratory Services*) adalah merupakan sebuah makmal di FKASA yang menyediakan perkhidmatan pengujian dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar. Makmal ini telah mendapat pengiktirafan dan persijilan MS ISO/EIC 17025:2005 oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) untuk UMP membudayakan usaha-usaha pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam merealisasikan konsep universiti-industri bagi mencapai objektif Pelan Perancangan Strategik UMP 2011-2015.



### Aktiviti Utama Fakulti 2011

#### Majlis Syarahan Umum Profesor UMP

Majlis Syarahan Umum Profesor telah diadakan pada 20 Julai 2011 bertempat di Dewan Astaka UMP. Siri syarahan umum ini merupakan program terancang untuk menyalur dan menyebarkan ilmu serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka akademik kepada masyarakat yang menjadi platform untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat.

Pada kali ini, Majlis Syarahan Umum Profesor menyalurkan pengetahuan serta penemuan staf akademik dari FKASA iaitu Profesor Engineer Dr. Ideris Zakaria dengan tajuk syarahannya, *Structural and Thermal Performance of Concrete Made from Agricultural Waste Products; A Case Study on Oil Palm Shells (OPS) Concrete*.

Majlis ini juga telah dimanfaatkan kepada lebih 1,000 peserta yang terdiri daripada warga UMP, sekolah-sekolah sekitar Kuantan, politeknik, wakil alumni, wakil industri, ahli Lembaga Pengajian (BOS),

wakil pemeriksa luar fakulti dan Kolej Komuniti.

Pada masa yang sama pihak fakulti juga telah membuat Hari Terbuka Makmal FKASA dan pameran bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk melihat sendiri hasil-hasil penyelidikan dan kemudahan yang disediakan bagi pembelajaran dan pengajaran serta peluang-peluang kerjasama bersama industri yang ditawarkan oleh pihak fakulti.

#### Lawatan Adjung Profesor dan Profesor Pelawat FKASA

Pada tahun 2011 juga, FKASA menerima dua lawatan dari Adjung Profesor fakulti. Antara tujuan lawatan tersebut adalah untuk memberikan khidmat nasihat dari segi pembentukan kurikulum dalam bidang pengajian, menilai kualiti soalan peperiksaan, sebagai panel penasihat industri, membantu merangka latihan industri staf dan membantu dalam bidang penyelidikan fakulti.

Lawatan dari Profesor Dato' Paduka Ir Haji Keizrul bin Abdullah telah diadakan pada 26 Januari 2011 dan turut diadakan sama perjumpaan bersama pelajar. Hasil lawatan ini, pensyarah dan pelajar tahun 3 FKASA telah menimba pengetahuan melalui Sesi Perkongsian Ilmu yang telah diadakan. Satu Mesyuarat Jawatankuasa Akademik FKASA juga telah diadakan bersama beliau bagi membincangkan hal ehwal program akademik dan penyelidikan fakulti.

Manakala lawatan dari Profesor Dr. Abdel Malek Bouazza dari Universiti Monash, Australia telah diadakan pada 25 hingga 29 Julai 2011. Lawatan beliau adalah bertujuan untuk menambahbaik dan berkongsi pengalaman berkenaan sistem akademik dan penyelidikan yang dilaksanakan di Universiti Monash Australia.

Antara program lawatan beliau di FKASA adalah Perkongsian Pengalaman bersama pelajar berkenaan pembelajaran pascasiswazah dan kehidupan pelajar di Australia. Perbincangan bersama pihak Jawatankuasa Akademik Fakulti berkenaan *Outcome Based Education* dalam pembelajaran kejuruteraan bagi perkongsian dan pelaksanaan di Universiti Monash juga telah diadakan.

### Mesyuarat Bersama Panel Penasihat Industri (IAP)

Mesyuarat Bersama Panel Penasihat Industri bagi Program Kejuruteraan Awam Dengan Persekitaran (BAE) telah diadakan pada 15 Disember 2011 bertempat di Hotel M.S Garden Kuantan. Panel dari industri terdiri daripada Yang Berbahagia Dato Dr. Kamarul Najuib Che Ibrahim, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pahang, Tuan Haji Ir. Roslan Abd Azis, Pengarah Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan MPK, Ir. Muhammad Zaki bin Mat, Jurutera Perunding Zakie Kota Bharu Kelantan dan En Lim Yow Luck, Perunding Perkhidmatan Murniniaga Makmur Pahang.

Antara agenda utama mesyuarat adalah bagi membincangkan maklumbalas dan pandangan industri berkenaan program, struktur dan kurikulum BAE yang ditawarkan oleh pihak FKASA.

Hasil maklum balas mesyuarat adalah amat penting bagi persediaan fakulti untuk menghadapi sesi penilaian pengiktirafan program BAE oleh pihak EAC (*Engineering Accreditation Council*).

### Mesyuarat Bersama Panel Pakar Bagi Cadangan Penubuhan Program Teknologi Kejuruteraan

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan daripada panel pakar berkenaan dengan cadangan penawaran dan penubuhan program baharu teknologi kejuruteraan- *Bachelor of Civil Engineering Technology (Infrastructure Management)*. Cadangan penawaran dan penubuhan program ini adalah susulan lawatan kerja akademik Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Profesor Dr. Ideris Zakaria ke University of Southern Queensland (USQ), Australia untuk jalinan kerjasama akademik dua hala antara UMP dan juga USQ.

Antara objektif utama mesyuarat adalah untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada panel pakar berkenaan cadangan penubuhan dan penawaran program baharu teknologi kejuruteraan iaitu *Bachelor of Civil Engineering Technology (Infrastructure Management)* dan memastikan program yang ditawarkan ini adalah relevan dengan kehendak semasa industri.

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 20 Oktober 2011 bertempat di The Zon Hotel & The Suite Residence Kuala Lumpur. Panel pakar yang hadir ialah Emeritus Profesor Datuk Wira Ir. Dr. Haji Mohamad Noor Haji Salleh dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Profesor Ir. Dato' Abang Abdullah Abang Ali dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Ir. Dr. Ruslan Hassan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Datuk Ir. Haji Zaimi Md Ali, Executive Director Techart Sdn. Bhd. dan Ir. Haji Mahmood Amir iaitu Penolong Setiausaha Agong, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia.

Jadual 47: Pingat dan Anugerah Penyelidikan FKASA Tahun 2011

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	PERTANDINGAN/ PAMERAN	ANUGERAH/ PINGAT
1.	Dr. Anwar Ahmad, Profesor Madya Dr. Zularisam Ab Wahid dan Abdul Syukor Abd Razak	<i>UMP CaO granules: POME for energy</i>	<i>22<sup>nd</sup> International Invention, Innovation &amp; Technology Exhibition 2011 (ITEX'11)</i>	Emas
2.	Siti Fatimah Che Osmi, Abdul Syukor Abd Razak, Ezahtul Shareen Bt Abdul Wahab, Sazzuani Mohd Salleh, Azlina Hj Ismail, Siti Rohaida Jamaludin, Aizat Alias dan Mohd Amirulkhairi Zubir	<i>Sustainable Technology (Waste To Wealth) : Integrated Palm Oil Ash As A Filter For Treatment Palm Oil Mill Effluent (POME)</i>	Tarikh: 20 hingga 23 Mei 2011 Tempat: Kuala Lumpur Convention Center (KLCC), Kuala Lumpur	Perak
3.	Abdul Syukor Abd Razak, Profesor Dr. Ideris bin Zakaria, Profesor Madya Dr. Mohd Ismid Mohd Said dan Suryati Sulaiman	<i>Refurbishment of Domestic Wastewater via Phytogreen UMP</i>	Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA'11) Tarikh: 13 hingga 15 September 2011 Tempat: Kuala Lumpur Convention Center (KLCC), Kuala Lumpur	Tempat Ke-4
4.	Noor Suraya Romali, Aimi Ilmar Ramli, Nadiah Mokhtar dan Abdul Syukor Abd Razak	<i>Application Of N-Filter For Wastewater Treatment</i>	Bio Malaysia 2011 Tarikh: 21 hingga 23 November 2011 Tempat: Kuala Lumpur Convention Center (KLCC), Kuala Lumpur	Gangsa
5.	Siti Fatimah Che Osmi, Aizat Alias, Abdul Syukor Abd Razak dan Dr Wan Mohd Faizal Wan Ishak	<i>Sustainable Technology (Waste To Wealth): Integrated Palm Oil Ash As A Filter Media Using Solid Waste From Palm Oil Industry</i>	Seoul International Invention Fair (SIIF 2011) Tarikh: 1 hingga 4 Disember 2011 Tempat: Pacific Hoex, Seoul, Korea	Perak

## FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & SUMBER ASLI (FKKSA)

Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ditubuhkan pada 15 Februari 2002. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) adalah program pertama yang ditawarkan untuk kemasukan sesi 2002/2003. Dua lagi program iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas) ditawarkan untuk kemasukan Sesi 2003/2004. Program-program ini adalah berasaskan kepada kemahiran dan aplikasi, menitikberatkan kepada kombinasi teori, kemahiran praktikal dan proses pembelajaran dalam mengenal pasti masalah dan cabaran di industri. Pengajian ini merangkumi *separation process, chemical, chemical reaction engineering, process engineering, system control* dan *environmental engineering*. Selain itu, FKKSA juga telah mendapat kelulusan daripada KPT pada 12 Oktober 2010 untuk menawarkan Program Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan (Secara Kerja Kursus) dan pengambilan pelajar bermula pada semester 1 Sesi 2011/2012.



Program Yang Ditawarkan Oleh Fakulti:

### Program Prasiswazah

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas)
- Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)

### Program Pengajian Siswazah

- Doktor Falsafah dalam Kejuruteraan Kimia
- Doktor Falsafah dalam Kejuruteraan Kimia (Bioproses)
- Doktor Falsafah dalam Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas)
- Sarjana Kejuruteraan Kimia (Penyelidikan)
- Sarjana Kejuruteraan Kimia (Bioproses) (Penyelidikan)
- Sarjana Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas) (Penyelidikan)
- Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan (Kursus)

### Program Secara Separuh Masa

- Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)

Jadual 49: Pengiktirafan yang Diperoleh oleh FKKSA

PENGIKTIRAFAN		
BIL.	PERKARA	TARIKH
